

Jilid I  
Bil. 23



Hari Khamis  
11hb November, 1982

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2803]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1983:**

**Jawatankuasa (Hari Ketiga)—**

**Jadual:**

**Maksud B.1 hingga B.14 [Ruangan 2838]**

**Maksud B.15 hingga B.17 [Ruangan 2879]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1983:**

**Jawatankuasa (Hari Ketiga)—**

**Maksud P. 7, P. 8 dan P. 9 [Ruangan 2838]**

**Maksud P. 15 dan P. 17 [Ruangan 2879]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang  
Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam  
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI  
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu  
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,  
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'  
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei  
Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG @ ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Bentong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

- Yang Berhormat TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (IPOH).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).

- Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO' HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).

- Yang Berhormat **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEOH POH SAN (Petaling).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).**

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 11hb November, 1982

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang Dipertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANRAKYAT PALESTINE—BANTUAN  
NEGARA-NEGARA ARAB

**1. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapa Negara-negara Arab tiada membantu sepenuhnya Perjuangan Rakyat Palestine, dan apakah peranan Malaysia dalam hal ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang Dipertua, adalah difikirkan bahawa pihak yang paling layak untuk membuat sesuatu penentuan mengenai kekesanan bantuan negara-negara Arab terhadap Perjuangan Rakyat Palestine adalah PLO dan bukannya Kerajaan Malaysia. Namun demikian, tidaklah boleh dinafikan percakaran di antara negara-negara Arab sendiri memang telah membawa kesan yang buruk dalam usaha memajukan Perjuangan Rakyat Palestine ini. Kerajaan Malaysia sentiasa berharap dan berikhtiar untuk mewujudkan perpaduan di kalangan negara-negara Arab atau pun sekurang-kurangnya perselisihan faham di antara mereka dapat diketepikan semasa hak-hak

asasi rakyat Palestine dan kepentingan negara-negara Islam di Timur Tengah sedang diperjuangkan.

Kita tidak boleh menghadapi keganasan dan kedegilan Israel serta membebaskan Palestine, membebaskan Kota Suci Baitul-mukaddis dan Wilayah Arab lain yang diduduki oleh Israel kecuali perpaduan ini dapat diwujudkan.

Berhubung dengan peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam soal memajukan perjuangan rakyat Palestine, kita telahpun sepanjang masa menitik-beratkan bahawa masalah Palestine adalah merupakan suatu masalah yang melibatkan seluruh masyarakat antarabangsa kerana ianya adalah merupakan perjuangan suatu rakyat untuk menentukan nasib mereka sendiri dan perjuangan untuk membebaskan tanah suci mereka dari pendudukan kuasa asing, iaitu suatu hak yang dijamin dengan begitu jelas oleh Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri. Hasil dari perjuangan dan sikap Malaysia ini maka kita dihormati, bukan sahaja di kalangan negara-negara Islam, tetapi juga di kalangan pergerakan negara-negara berkecuali serta anggota-anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Berdasarkan pengiktirafan inilah maka Malaysia telah dipilih sebagai ahli dalam suatu Jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai hak asasi rakyat Palestine iaitu sejak tahun 1975 lagi. Begitu juga Malaysia telah dipilih pada tahun 1981 sebagai ahli dalam Jawatankuasa 6

negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi merangka suatu strategi untuk memastikan pelaksanaan semua resolusi-resolusi pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berhubung dengan hak rakyat Palestine.

Saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan Malaysia akan terus-menerus berikhtiar dan berjuang sehingga hak asasi rakyat Palestine dapat dipulihkan dan agar perjuangan ini dapat dimajukan dengan lebih sempurna dan berkesan, kita juga akan berikhtiar terus-menerus supaya perpaduan dapat diwujudkan di kalangan negara-negara Arab dan Islam yang lain.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri iaitu saya faham daripada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa tidak ada sebuah negara Islam pun yang tidak menyokong perjuangan ini, seolah-olah semua negara Islam menyokong perjuangan rakyat Palestine dalam merebut hak-haknya. Tetapi semasa serangan Israel terhadap PLO ataupun perjuangan rakyat Palestine baru-baru ini didapati ada negara-negara Islam yang berdiam diri, misalnya, negara Mesir sendiri, Iran sendiri tidak pedulikan apa yang berlaku seolah-olah tidak mempunyai kerjasama dalam menyokong perjuangan rakyat Palestine.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, jika dikatakan ada negara-negara Islam semasa pencerobohan Israel terhadap Lebanon baru-baru ini tidak menyokong, itu tidaklah begitu tepat, semua negara Islam menyokong kedudukan Lebanon dan juga mengutuk pencerobohan Israel, cuma yang berlainan adalah tentang cara dan strategi untuk menghadapi masalah ini.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kerajaan Malaysia

mengikuti kenyataan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tidak memberi bantuan kepada rakyat Palestine. Tetapi apakah pihak Kerajaan Malaysia sudahpun memberi bantuan kepada Perjuangan Rakyat Palestine dalam bentuk kewangan ataupun peralatan senjata.

Yang kedua, apakah Kerajaan Malaysia dalam bidang hendak membantu perjuangan rakyat Palestine ini bercadang akan membentuk satu komando jihad yang terdiri daripada sukarelawan pemuda-pemuda kita para mujahid Islam untuk turut sama berjuang membela dan membebaskan bumi Palestine.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, soal bantuan Kerajaan Malaysia terhadap perjuangan Palestine ini, kita semua faham bahawa kita tidak memberi sebarang bantuan ketenteraan oleh sebab perjuangan PLO itu tidak memerlukan bantuan serupa ini, tetapi memang kita sudahpun memberi berbagai-bagai bantuan Kewangan, malah Pejabat Perwakilan PLO di Kuala Lumpur ini banyak mendapat berbagai-bagai bantuan dan kemudahan dari Kerajaan Malaysia.

Mengenai soal hendak ditubuhkan suatu pasukan pejuang untuk membantu rakyat Palestine, ini juga saya rasa tidaklah timbul pada masa ini oleh sebab bantuan serupa itu juga tidak diperlukan oleh PLO pada ketika ini memandangkan dari konteks, strategi dan teknik untuk menghadapi musuh pada masa ini.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan. Dalam usaha Malaysia untuk membantu perjuangan rakyat Palestin adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa sebuah parti politik telah membuat keputusan untuk menubuhkan Pasukan Jihad untuk dihantar ke Palestin bagi menolong rakyat

Palestin. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam soal penubuhan pasukan ini dan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk meninjau penubuhan Pasukan Jihad ini dari segi keselamatan negara kita sendiri sama ada penubuhan Pasukan Jihad ini akan digunakan untuk menjalankan pemberontakan di dalam negara, ini sendiri.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, saya memang sedar bahawa adanya sebuah parti Pembangkang yang telahpun melaung-laungkan akan menubuhkan satu pasukan untuk membantu pejuang-pejuang Palestin, namun demikian, Kerajaan juga sedar bahawa parti ini memang terkenal kerana tidak pernah mengkotakan apa yang mereka katakan. Jadi, saya rasa masalah-masalah yang berkait dengan perkara itu tidak akan timbul.

**Tuan Ismail bin Said:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa kesemua negara-negara Arab membantu sepenuhnya perjuangan rakyat Palestin, cuma strategi sahaja yang berlainan, berbeza-beza. Ini bermakna tidak seragam. Jadi, ketidakseragaman ini adakah oleh kerana disebabkan ada setengah-setengah negara Arab takut kepada setengah-setengah kuasa besar, dan yang kedua, saya ingin tahu sama ada benar ataupun tidak ada ura-ura bahawa Jordan akan menubuhkan satu Confederation dengan PLO. Jika benar, saya ingin tahu apakah kesannya terhadap Confederation ini terutama sekali berhubung dengan ancaman yang akan diterima daripada Israel terhadap Jordan ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, dari segi perpecahan, saya masih menyatakan bahawa perpecahan memang berlaku di kalangan negara-negara Islam dan juga berlainan pendapat mengenai cara

yang seelok-eloknya untuk membantu rakyat Palestin. Tetapi sungguhpun begitu, kesan buruk dari perpecahan ini memang begitu ketara sekali semasa pencerobohan Israel terhadap Lebanon baru-baru ini dan oleh sebab kesan buruknya begitu ketara sekali, ini telahpun membawa satu kesedaran baru di kalangan negara-negara Islam dan akibatnya mereka telahpun dapat buat pertama kalinya berkompromi di antara satu dengan lain dan telahpun melahirkan apa yang telah disambut hangat oleh masyarakat antarabangsa sebagai Deklarasi Fez iaitu yang dilahirkan oleh Persidangan Liga Arab di Fez, Morocco baru-baru ini.

Kedua, mengenai soalan Confederation di antara PLO dengan Jordan. Itu masih dalam peringkat perundingan lagi tetapi ini adalah dalam konteks untuk hendak mencari satu cara dan strategi bagi perundingan-perundingan pada masa hadapan dengan puak Israel dan juga Amerika Syarikat dan sebagainya.

**Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak Setiausaha Parlimen bahawa rakyat Palestin ramai di antaranya yang terpelajar, satu daripadanya dalam jurusan kedoktoran. Adakah Kerajaan bercadang untuk meminta melalui PLO supaya rakyat Palestin yang lulus dalam jurusan kedoktoran misalnya untuk berkhidmat di Malaysia sebagai satu sumber menolong kepada rakyat Palestin.

**Tuan Yang Dipertua:** Soal itu dukacitanya tidak berbangkit.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa Kerajaan tidak berhajat untuk menghantar Komando Jihad daripada negara kita. Kalaulah saya ada satu Komando Jihad ataupun PAS ada Komando Jihad misalnya, ia hendak

hantar ke sana dengan perbelanjaan sendiri dan hendak memperjuangkan Palestin, adakah Kementerian boleh membenarkan mereka itu pergi?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, kita akan memikir soal itu apabila masalah itu timbul.

**KEMENTERIAN/JABATAN  
KERAJAAN MENYEWAWA  
BANGUNAN SWASTA**

**2. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa beberapa Kementerian dan Jabatan masih menyewa bangunan daripada pihak swasta, dan nyatakan jumlah sewa bulan dan tahunan bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan di Wilayah Persekutuan;
- (b) Kementerian atau Jabatan manakah yang terpaksa membayar sewa paling tinggi sekali; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan supaya Kementerian atau Jabatan Kerajaan mempunyai bangunan sendiri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahad Badawi):** Tuan Yang Dipertua, mengenai ketiga-tiga soalan yang dinyatakan, saya suka menyatakan bahawa:

(a) Jumlah sewa bulanan dan tahunan bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang menyewa bangunan swasta di Wilayah Persekutuan ialah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah sewa sebulan</i>	<i>Jumlah sewa setahun</i>
1981 ..	\$1,612,815.00	\$19,353,780.00
1982 hingga 30-6-82	1,961,310.00	23,535,720.00

(b) Kementerian atau Jabatan yang terpaksa membayar sewa paling tinggi sekali ialah:

<i>Bil.</i>	<i>Kem/Jabatan</i>	<i>Jumlah sewa sebulan</i>
1.	Jabatan Perdana Menteri ..	\$867,789.89

Ini ialah disebabkan kelulusan ruang pejabat disewa itu agak besar.

(c) Kerajaan telahpun mengambil langkah untuk membina bangunan-bangunan pejabat khasnya di kawasan Jalan Duta untuk beberapa Kementerian dan Jabatan yang saya sukalah memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu:

- (i) Kementerian Perusahaan Awam
- (ii) Kementerian Perusahaan Utama
- (iii) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian
- (iv) Jabatan Hasil Dalam Negeri
- (v) Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia
- (vi) Perbendaharaan Malaysia
- (vii) Jabatan Perkhidmatan Awam
- (viii) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
- (ix) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar
- (x) Kompleks Kerajaan gunasama.

**Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, apakah yang telah menyebabkan beberapa Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan terpaksa menyewa bangunan-bangunan swasta sama ada di Wilayah Persekutuan atau di mana-mana jua di negara ini dan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan menyewa bangunan-bangunan swasta itu merugikan Kerajaan sendiri di dalam masa jangka panjang?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, sebabnya ialah ada bangunan Kerajaan yang boleh digunakan sebagai pejabat kepada Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang berkenaan dan Kerajaan memang sedar bahawa oleh sebab terpaksa menyewa maka banyak perbelanjaan yang mesti dikeluarkan. Jadi, oleh sebab kesedaran itulah maka ada rancangan Kerajaan untuk membina pejabat-pejabat baru bagi Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang telahpun saya maklumkan dalam senarai tadi.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Untuk bahagian (c) tadi tidak menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran ada membuat perancangan untuk pejabat Kementerian ini sendiri. Jadi, oleh kerana beberapa bahagian di dalam Kementerian Pelajaran itu sendiri berselerak di sana sini, tidakkah Kerajaan bercadang untuk menempatkan semua bahagian di bawah Kementerian ini di satu bumbung ataupun di satu bangunan bagi memudahkan hubungan antara bahagian-bahagian di Kementerian ini?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi matlamat perancangan penempatan Jabatan-jabatan di bawah sesuatu Kementerian itu ditempatkan dalam satu bangunan, maka ini bererti dalam perancangan di mana yang boleh tentulah Jabatan-jabatan di bawah satu Kementerian itu akan diletakkan dalam satu jabatan dan saya percaya ini juga termasuk Kementerian Pelajaran.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi nampaknya

Kerajaan ada rancangan hendak membina untuk beberapa Jabatan yang disebutkan tadi. Adakah Kerajaan bercadang kerana menunjukkan Kerajaan bersih, cekap dan amanah ini bahawa rancangan itu tidak memakan masa lama, berapa lama rakyat kena tunggu dapat bangunan baru? Adakah boleh dibuat 'pre-fab' untuk mengadakan Jabatan-jabatan ini jangan bergantung kepada JKR semata-mata.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, projek untuk pejabat Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang berkenaan adalah dalam pelaksanaan sekarang.

#### MINUMAN KERAS— MENGHARAMKAN

**3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan disamping keputusan Kerajaan hendak mengharamkan perjudian tidaklah juga Kerajaan berhasrat untuk mengharam minuman keras dan segala kegiatan yang berkaitan dengannya seperti pembikinan, pengeluaran, pengedaran, dan penjualan barang-barang yang berkaitan dengannya di seluruh negara ini. Jika ya, bilakah langkah ini akan dijalankan.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, mohon izin sedikit fasal ada soalan ini di baris yang kedua dari bawah itu ada silap sedikit. Sebenarnya "barang-barang yang berkaitan dengannya", ertinya dengan minuman keras, bukanlah "barang-barang yang berkaitan dengan perjudian".

**Tuan Yang Dipertua:** Barang-barang dengan apa?

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** "Berkaitan dengannya", ertinya minuman keras, bukan dengan "perjudian".

**Tuan Yang Dipertua:** Ya, “kegiatan yang berkaitan dengannya”, “dengannya” itu pergi kepada “perjudian”.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** “Minuman keras”, jadi potong “perjudian”.

**Tuan Yang Dipertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan juga walaupun ada sedikit pindaan ini telahpun dijawab dengan agak panjang lebar bukan sahaja dalam jawapan asal kepada soalan yang ditimbulkan pada 4hb November, 1982 tetapi juga kepada beberapa soalan-soalan tambahan yang telah dibangkitkan dan jawapan pun telah diberikan juga, dengan itu saya tidak bercadang hendak menambah apa-apa lagi.

#### PERMOHONAN KEWARGA- NEGARAAN MALAYSIA

4. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan permohonan dari mereka yang dilahirkan di negara ini yang masih memegang Kad Pengenalan warna merah untuk menjadi warganegara Malaysia dalam tempoh masa 10 tahun iaitu dari tahun 1971 hingga 1981;
- (b) bilangan permohonan yang telah diluluskan; dan
- (c) bilangan permohonan yang ditolak, dan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu tempoh 10 tahun seperti yang dimaksudkan ialah dari tahun 1972

hingga 1981 dan perangkaan-perangkaan berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) jumlah permohonan diterima ialah 30,019.
- (b) jumlah permohonan diluluskan ialah 26,407.
- (c) jumlah permohonan yang tolak ialah 716.

Sebab-sebab sesuatu permohonan itu ditolak ialah kerana tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan.

#### PENENTUAN TAPAK SEKOLAH

5. **Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Pelajaran menyatakan apa keutamaan yang diberikan untuk memilih tempat (pekan atau bandar), apabila Kementerian Pelajaran hendak membina sesebuah sekolah, iaitu:

- (i) Sekolah Menengah Berasrama Penuh;
- (ii) Sekolah Menengah Sains;
- (iii) Sekolah Menengah Teknik; dan
- (iv) Sekolah Menengah Vokesyenal.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebelum keputusan dibuat untuk memilih satu-satu tapak sekolah seperti Sekolah Menengah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Sains, Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokesyenal beberapa pertimbangan perlu dibuat.

Antaranya termasuklah pemilihan satu kawasan berhampiran dengan bandar di mana terdapatnya kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, api dan sebagainya, kemudahan perhubungan dengan jalanraya dan sebagainya, keluasan tapak yang mencukupi untuk padang, bangunan-bangunan sekolah, asrama, dewan dan lain-lain dan akhirnya

penempatannya tidak diganggu oleh bunyi-bunyi daripada kilang-kilang dari kawasan industri dan ianya tidak mengganggu kawasan-kawasan perumahan dan lain-lain.

### KETURUNAN TIONGHUA MENYERTAI ANGKATAN TENTERA

6. **Dato' Lee Kim Sai** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kementeriannya bercadang mengambil langkah-langkah tertentu untuk menggalakkan rakyat keturunan Tionghua untuk berkhidmat di dalam angkatan tentera, memandangkan mereka juga dapat memberi sumbangan besar dalam mempertahankan negara.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya sentiasa menggalakkan rakyat Malaysia tidak mengira kaum, ugama dan keturunan untuk berkhidmat dalam Pasukan Angkatan Tentera Malaysia kerana pertahanan adalah tanggungjawab semua warganegara yang cintakan tanahair. Walaupun demikian, sehingga ke hari ini keanggotaan dalam ketiga-tiga cawangan Angkatan Tentera menunjukkan kebanyakannya terdiri dari kaum bumiputra. Ini bukanlah bermakna peluang hanya diberi semata-mata kepada bumiputra dan tidak kepada kaum lain. Keadaan ini terjadi adalah kerana kaum-kaum lain kurang berminat untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera. Pihak Angkatan Tentera Malaysai sentiasa mengambil berbagai-bagai langkah dan usaha untuk menarik minat orang ramai memasuki Angkatan Tentera Malaysia melalui berbagai sebaran am seperti suratkhobar, radio dan televisyen, Jabatan Penerangan, Jabatan Buruh dan Tenaga Rakyat dan juga melalui pameran dan ceramah-ceramah kerajaan ke sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi dari masa ke semasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Oleh kerana dasar Kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru ialah untuk menyusun semula masyarakat kita dan untuk membasmikan identifikasi satu kaum dengan satu jenis pekerjaan, termasuk mereka yang ada dalam perkhidmatan Tentera, adakah kegagalan pihak Kementerian Pertahanan untuk membetulkan tidak seimbangan ini di mana peratus orang-orang yang bukan Melayu yang ada dalam perkhidmatan Tentera tidaklah memuaskan menunjukkan bahawa Kementerian Pertahanan sudah gagal dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru atau dalam perkara ini Dasar Ekonomi Baru ada dikecualikan bahawa untuk Armed Forces tidak ada polisi untuk membetulkan tidak seimbangan ini?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang Dipertua, saya menafikan dakwaan daripada Ketua Pembangkang berkenaan dengan hal ini oleh kerana jikalauh sekiranya kaum-kaum yang bukan bumiputra tidak mahu, tak ada minat hendak masuk Angkatan Tentera macam manalah pihak kami di Kementerian Pertahanan hendak menambah bilangan kaum-kaum bukan bumiputra?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan sebab-sebab kekurangan itu.

**Tuan Yang Dipertua:** Sila jawab, sudah diberi tadi.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang Dipertua, itu terpulang kepada mereka sendiri sahaja yang tahu sebab-sebab mereka tak ada minat hendak menjadi anggota Angkatan Tentera.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalau Yang Berhormat

Timbalan Menteri memberitahu bahawa yang bukan bumiputra tidak ada minat hendak memasuki pasukan pertahanan, maka apakah pandangan pihak Yang Berhormat akan lupukan sahaja, masukkan sepenuhnya bumiputra dalam pasukan tentera kita.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang itu bukan soalan, itu kenyataan.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan adakah pihak Kementerian bercadang mengadakan kerahan tenaga rakyat (National Service) seperti yang sedang diadakan di Singapura?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Ini berlainan daripada soalan asal.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan, adakah benar bahawa kaum bukan bumiputra tidak berminat untuk menjadi ahli-ahli 'rank and file' Angkatan Tentera kerana mereka lebih berminat hanya untuk menjadi pegawai-pegawai bertauliah sahaja?

**Tuan Yang Dipertua:** Saya ingat soalan itu tidak berbangkit.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri mengambil pekerja lebih ramai orang Malaysia berbangsa Cina dengan menghantar pasukan-pasukan pengambilan ke kampung-kampung baharu dalam masa gerak kerja pengambilan yang akan datang?

**Tuan Yang Dipertua:** Itu pun pada fikiran saya tidak berbangkit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, oleh kerana satu masa apabila pihak Kerajaan ada berkata bahawa orang-orang Melayu tidak berminat untuk masuk menyertai bidang perusahaan dan perindustrian, pihak Kerajaan ada ambil ikhtiar untuk menggalakkan mereka untuk

mengambil perhatian dalam bidang perusahaan dan perdagangan atas polisi Dasar Ekonomi Baru untuk memperseimbangkan apa yang tidak seimbang. Kenapa dalam bidang pertahanan ini pihak Kementerian Pertahanan tidak ambil inisiatif untuk cari sebab-sebab dan untuk menggalakkan kaum-kaum bukan bumiputera untuk lebih cukup bilangan masuk pasukan pertahanan supaya Dasar Ekonomi Baru boleh berjaya?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang Dipertua, nampaknya Ketua Pembangkang hendak score points sahaja tetapi walaupun demikian pihak Angkatan Tentera telah membuat perhubungan dengan Kementerian Pelajaran untuk menjemput mana-mana sekolah yang ingin mendengar ceramah mengenai kerjaya tentera dan boleh memohon melalui Kementerian tersebut atau melalui Pengarah Pelajaran Negeri-negeri. Pihak Angkatan Tentera juga bersedia dan telah pun menerima undangan secara langsung dari sekolah-sekolah berkenaan dengan hal ini. Walau bagaimanapun setakat ini sambutan yang diberikan oleh Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China dan Sekolah Missi (Mission School) tidak begitu menggalakkan berbanding dari Sekolah-sekolah Kebangsaan.

#### PEMBELIAN BAHAN UTAMA MALAYSIA OLEH JEPUN/KOREA

7. **Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan dasar memandang ke Timur yang Kerajaan kita amalkan sekarang, sebagai tindak balas, adakah Korea Selatan dan Jepun telah mula menambahkan kadar pembelian getah, bijih timah, minyak kelapa sawit dan kayu balak dari Malaysia.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang Dipertua, Dasar Pandang ke Timur adalah bertujuan untuk membolehkan kita mencontohi negara-negara timur yang maju seperti Jepun dan Korea Selatan di dalam mencapai kemajuan dan tahap pembangunan negara yang lebih tinggi lagi. Pada hemat saya, adalah kurang tepat untuk mengaitkan perhubungan perdagangan di antara Malaysia dengan Jepun dan Korea Selatan dengan dasar kita pandang ke Timur.

Kadar pembelian bahan-bahan utama Malaysia oleh negara-negara Jepun dan Korea bergantung kepada keadaan-keadaan pertumbuhan ekonomi mereka. Di dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang masih berterusan sekarang ini, kedua-dua negara tersebut juga mengalami kelembapan di dalam pertumbuhan ekonomi dan eksport mereka.

Negara Jepun yang telah membeli 27,996 tan getah asli Malaysia (bernilai \$80.2 juta) di antara bulan Januari hingga Jun 1981 dan pembelian bahan ini telah turun sebanyak 23% kepada 21,553 tan (bernilai \$46.2 juta) dalam 6 bulan pertama tahun ini. Pembelian bijih timah juga telah berkurangan sebanyak 29% iaitu daripada 10,175 tan (bernilai \$313.4 juta bagi tempoh Januari-Jun 1981 kepada 7,187 tan (bernilai \$225.8 juta) bagi tempoh Januari-Jun 1982. Walau bagaimanapun Jepun telah meningkatkan pembelian kayu balak Malaysia sebanyak 38% daripada 3,399,700 meter padu (bernilai \$589.1 juta) kepada 4,691,764 meter padu (bernilai \$921.2 juta) dalam kedua tempoh perbandingan. Begitu juga pembelian minyak kelapa sawit, olein dan stearin Malaysia telah bertambah sebanyak 23.8% iaitu daripada 62,203 tan metrik (bernilai \$72.3 juta) kepada 77,005 tan metrik (bernilai \$82.9 juta). Dari segi perdagangan keseluruhan pula, pembelian negara Jepun dari

Malaysia telah menunjukkan pengurangan sebanyak 4.8% daripada \$2,854.5 juta kepada \$2,717.6 juta dalam jangkamasa perbandingan 6 bulan pertama bagi tahun 1981 dan 1982.

Bagi Korea Selatan pula, jumlah pembelian negara tersebut dari Malaysia telah menunjukkan pertambahan sebanyak 1.3% iaitu daripada \$483.9 juta di antara bulan Januari hingga Jun 1981 kepada \$490.3 juta di antara bulan Januari hingga Jun 1982. Di dalam jangkamasa yang sama, pembelian getah asli Malaysia telah bertambah sebanyak 14.5% iaitu daripada 28,141 tan (bernilai \$78.2 juta) kepada 31,712 tan (bernilai \$61.7 juta) bijih timah bertambah sebanyak 5.9% daripada 596 tan (bernilai \$18.6 juta) kepada 631 tan (bernilai \$20.6 juta), minyak kelapa sawit dan olein bertambah sebanyak 13% daripada 8,983 tan (bernilai \$11 juta) kepada 10,154 tan (bernilai \$11.3 juta) dan balak bertambah sebanyak 6.7% daripada 1,457,700 meter padu (bernilai \$250.2 juta) kepada 1,555,300 meter padu (bernilai \$293 juta).

Kedua-dua negara tersebut iaitu Jepun dan Korea Selatan adalah dua buah negara yang berkebolehan mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat. Oleh yang demikian kita berharap untuk menambahkan eksport barangan utama ke negara-negara tersebut pada masa yang akan datang.

**Tuan Yeoh Poh San:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa Jepun masih lagi membeli sejumlah yang besar getah asli dari Thailand. Jika polisi kita "Memandang ke Timur" berhasil tidak adakah balasan yang baik dari Jepun dengan membeli lebih banyak lagi getah asli dari Malaysia dan sudahkah Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk memberitahu ini kepada Kerajaan Jepun?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, saya memang sedar tetapi sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi untuk mengaitkan polisi "Pandang ke Timur" dengan hubungan perdagangan adalah kurang tepat. Sekalipun mungkin kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tepat. Kerajaan memang berusaha untuk menentukan supaya pengeksporan bahan-bahan utama seperti getah dan juga yang lain-lain saya sebutkan, akan dapat dipertambahkan kepada negeri Jepun dan Korea lebih-lebih lagi untuk menentukan supaya pasaran Jepun itu lebih dikontrol oleh pihak kita daripada pihak negeri Thailand sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Timbalan Menteri yang berkenaan telah menyebutkan tadi bahawa negeri Jepun telah mengurangkan keseluruhan pembeliannya sebanyak 4.8%. Ingin saya mendapat tahu dalam keadaan kelembapan ekonomi negara kita sendiri, apakah kita menambah atau mengurangkan pembelian barangan dari negeri Jepun. Kalau kurang, berapa kurangnya; dan kalau lebih berapa lebihnya?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya hanya menentukan supaya bahan-bahan utama dieksport dan bukan bahan utama diimport daripada negeri lain. Itu di bawah jagaan Kementerian lain.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebenarnya dasar memandang ke timur itu bukanlah untuk kita mencontohi kedua-dua negara ini sahaja tetapi pada hakikatnya kedua-dua negara ini telah dan akan mendapat keuntungan kerana kita akan memberi banyak projek-projek ataupun kontrak-kontrak pembinaan

misalnya kepada kedua-dua negeri ini. Maka apakah langkah-langkah spesifik yang akan diambil oleh Kementerian Yang Berhormat supaya keutamaan diberi oleh kedua-dua negeri ini dari segi membeli barang-barang mentah dari negara kita ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang pernah dan selalu dijelaskan sama ada oleh Menteri Perusahaan Utama ataupun oleh saya sendiri di Dewan yang mulia ini kita mengambil banyak langkah untuk menentukan supaya bahan-bahan utama dari negara kita akan dapat diperatakan penjualan, pengekspornannya ke negara-negara yang tersebut. Pertama ialah untuk menghantar misi-misi perdagangan ke luar negeri termasuk ke negara yang kedua itu. Kedua, kita sekarang sedang mewujudkan malah di Korea telah diwujudkan apa yang dipanggil Technical Advisory Service untuk bahan-bahan utama termasuk getah khususnya. Di samping itu banyak lagi langkah-langkah lain untuk menjamin supaya pembelian bahan-bahan utama daripada kita dan juga penggunaan bahan-bahan utama itu akan dapat dipesatkan ke negara-negara tersebut.

**Dato Lee Kim Sai:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandang dasar "Pandang ke Timur" itu lebih bermakna, khususnya bermakna kepada dua-dua pihak iaitu negara-negara yang kita akan contohi dan negara kita sendiri. Adakah Kerajaan bercadang supaya satu cadangan iaitu satu garis panduan supaya "volume of trade" iaitu jumlah nilai perniagaan itu boleh diadakan untuk perniagaan mengeluarkan bahan-bahan mentah kepada negara-negara yang saya sebutkan tadi dengan tender ataupun projek pembinaan yang diberi kepada negara-negara dari Timur.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Saya rasa itu banyak menyentuh bidang kuasa Kementerian lain.

**Tuan Daud bin Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi nampaknya Kerajaan Jepun dan Korea kurang berminat ataupun kurang hendak membeli bahan-bahan utama kita. Adakah satu daripada sebab-sebabnya kerana barang-barang yang kita eksport ini mutunya lebih rendah daripada negara-negara yang mana Kerajaan Jepun dan Korea lebih berminat untuk membelinya ataupun ada sebab-sebab lain yang menyebabkan perkara ini berlaku.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, kita percaya bahawa bahan-bahan utama yang kita keluarkan, eksportkan adalah bermutu tinggi. Ini telah terbukti dan saya telah sebutkan tadi bahawa faktor yang utama yang menyebabkan kekurangan eksport bahan kita ke negara-negara tersebut ialah kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh kita sekarang ini. Jadi inilah faktor yang tertentu yang sebagaimana disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang dikehendaki itu yang menyebabkan kemungkinan besar turunnya jumlah eksport bahan utama ke negara-negara tersebut.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Datuk Edwin Anak Tangkun.

*(Soalan No. 8 Y.B. Datuk Edwin Anak Tangkun tidak hadir)*

## INDUSTRI PELANCONGAN NEGARA

9. **Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan pecahan belanja untuk tujuan "Kemajuan Pelancongan" bagi tahun 1978, 1979, 1980 dan 1981 untuk kawasan-kawasan seperti berikut:

- (a) Pulau Langkawi;
- (b) Pulau Pinang;
- (c) Pulau Pangkor; dan
- (d) Kuantan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang Dipertua, Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bertanggungjawab memajukan industri pelancungan negara ini melalui program-program pembangunan dan program-program penggalakan pelancungan. Kemajuan dan belanjawan untuk kawasan-kawasan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

### Pulau Langkawi

Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia telah diberi peruntukan berjumlah \$287,500 dalam tahun 1977 untuk menyediakan satu kajian kemungkinan dan pelan induk pelancungan bagi keseluruhan Pulau Langkawi. Tujuan kajian ini adalah untuk mengemukakan cawangan pembangunan Pulau Langkawi sebagai sebuah pusat pelancungan yang terkemuka menjelang tahun 1980. Perbelanjaan pembangunan yang telah diluluskan untuk Pulau Langkawi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah sebanyak \$6.408 juta yang telah digunakan untuk mengubahsuai hotel Langkawi Country Club dan menjadikannya sebuah hotel bertaraf antarabangsa. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Perbadanan telah diberi peruntukan yang berjumlah \$37 juta untuk membangunkan Tanjong Rhu iaitu sebuah kawasan yang mempunyai sumber serta potensi untuk dimajukan sebagai sebuah kompleks pelancungan yang terkemuka.

### Pulau Pinang

Pada masa ini terdapat beberapa buah hotel yang bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang. Pulau ini sudah pun merupakan salah satu destinasi pelancungan yang menarik

di negara ini dan telahpun dibangunkan dengan pesatnya oleh pihak swasta. Perbadanan melalui aktiviti-aktiviti pemasarannya telahpun memasar dan memperkenalkan destinasi ini kepada para pelancung tempatan dan antarabangsa.

#### **Pulau Pangkor**

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Perbadanan telah diberi peruntukan berjumlah \$500,000 untuk menyediakan sebuah kajian berjumlah \$500,000 untuk menyediakan sebuah kajian kemungkinan dan pelan induk pelancungan untuk kawasan tersebut. Kajian tersebut telahpun disiapkan dan akan dikemukakan kepada Kerajaan semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat untuk timbangan.

#### **Kuantan**

Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia dengan kerjasama pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pahang telah melibatkan diri dalam pembangunan hotel Club Mediterranee di Cherating, Pahang. Perbadanan telah diberi peruntukan pinjaman sebanyak \$4 juta untuk melabur dalam projek ini. Usaha ini telah membantu dalam menggalakkan pelancungan untuk kawasan ini. Pihak swasta juga telah menunjukkan minat dalam projek-projek pelancungan di Kuantan dengan terdirinya beberapa hotel yang terkemuka. Dari segi pemasaran Kuantan juga dipasarkan bersama dengan destinasi-destinasi lain di negara ini.

Usaha-usaha Perbadanan dalam membangun dan menggalakkan pelancungan negara ini telah dapat menunjukkan hasil yang agak memuaskan di mana dalam tahun 1981 terdapat sejumlah lebih kurang 2.3 juta orang pelancung yang datang melawat

Semenanjung Malaysia. Usaha-usaha ini akan terus dijalankan oleh Perbadanan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancungan yang termuka.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada bantuan-bantuan yang telah beliau nyatakan tadi, adakah Kerajaan bercadang hendak memberi taraf printis kepada pelabur-pelabur yang telah mendirikan hotel-hotel atau tempat-tempat pelancungan yang telah dikatakan tadi.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang Dipertua, sebagai satu galakan kepada pelabur-pelabur di dalam sektor pelancungan, Kerajaan telahpun meluluskan untuk memberi kemudahan, galakan dan insentif pelaburan kepada mereka yang ingin mendirikan hotel-hotel di kawasan-kawasan pelancungan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah termasuk dalam bidang Kerajaan untuk menggalakkan perusahaan pelancungan ini juga dengan mengadakan tempat-tempat maksiat yang biasanya inilah yang merupakan tempat-tempat yang menarik perhatian dan kegembiraan pelancung-pelancung.

**Dato' Sharir bin Abdul Samad:** Saya tidak sedar bahawa tempat yang indah dan menarik itu tempat maksiat. Kalau itu dijadikan sebagai satu alasan, saya rasa banyak daripada kita yang mungkin terpaksa duduk di tempat-tempat yang kotor. Bahawa tempat yang indah itu menggalakkan maksiat saya rasa itu satu keadaan yang tidak boleh diterima dan tidak berasas sama sekali.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian iaitu saya dengar banyak

rancangan-rancangan ditujukan kepada Langkawi yang mana perbelanjaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga diuntukkan berjumlah \$6.4 juta lebih dan telahpun membina bungalow di Tanjung Rhu. Adakah Perbadanan Kemajuan Pelancungan ini juga mengkaji masalah pengangkutan di sana, baik di laut Langkawi ataupun di Kuala Kedah pergi ke Langkawi ataupun di darat kerana pelancang-pelancang ini selalu bersungut tentang masalah pengangkutan untuk mereka. Adakah Kementerian ambil berat sama hal itu?

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Ya, Tuan Yang Dipertua.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang pertama, selain daripada empat kawasan pelancang yang telah diberikan perhatian oleh Kerajaan untuk memastikan perkembangan dan kemajuannya, adakah kawasan-kawasan pelancungan yang lain di Malaysia ini mendapat perhatian yang sama. Jika skiranya ada, bagaimanakah bentuk bantuan Kerajaan bagi memajukan kawasan-kawasan ini. Dan yang kedua, Tuan Yang Dipertua, adakah benar bahawa peruntukan kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$40 juta itu telah habis dibelanjakan setakat ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan yang kedua itu tidak berbangkit, sila jawab yang pertama.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Menjawab soalan yang pertama ialah 'ya' dan juga dalam bentuk yang sama seperti mana untuk kawasan yang empat tadi.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Ingin saya mendapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan tentang usaha penggalakan

pelancungan ini seperti yang dilapurkan tadi adalah untuk mengindahkan tempat-tempat yang tertentu, apakah yang telah dilakukan oleh Kementerian berkenaan bagi menambahkan galakan pelancungan ini terhadap perusahaan-perusahaan kecil seperti terdapat di Kelantan iaitu perusahaan perak tenun dan sebagainya.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya Kementerian ataupun Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia tidak mengindahkan tempat-tempat destinasi yang hendak dijadikan destinasi pelancang tetapi sebenarnya tempat itu memang sudahpun indah. Jadi kita hanya menambahkan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas.

Bagi menjawab kepada soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tentang perusahaan-perusahaan kecil yang ada hubungannya dengan perindustrian pelancungan, ini juga menerima perhatian daripada Lembaga Perbadanan Kemajuan Pelancungan, dari segi menyediakan kemudahan-kemudahan bagi barang-barang ini dipasarkan di dalam kedai-kedai bebas cukai umpamanya yang dipunyai dan dikendalikan oleh Perbadanan ini, ataupun melalui Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain yang memberi galakan kepada perusahaan-perusahaan kecil-kecil ataupun perusahaan-perusahaan kampung.

**Tuan Daud bin Dato' Taha:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Setakat manakah pembangunan industri pelancungan ini menyebabkan penglibatan bumiputra secara terus-menerus atau, dengan izin, direct ataupun indirect dan setakat mana pula dia menguntungkan bumiputra selaras dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

**Tuan Yang Dipertua:** Pada fikiran saya, soalan itu tidak berbangkit.

## KONGRESS KEBUDAYAAN KEDUA

**10. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau bercadang mengadakan Kongress Kebudayaan Yang Kedua bagi mengkaji serta menganalisa trend Kebudayaan di negara kita memandangkan Kongress Yang Pertama telah diadakan lebih sepuluh tahun yang lepas.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang Dipertua, saya tidak bercadang untuk mengadakan Kongress Kebudayaan Yang Kedua pada masa ini. Tetapi Kementerian saya sedang membuat kajian di atas pelaksanaan kebudayaan kebangsaan.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah ditimbang di dalam Kongress Kebudayaan Yang Pertama semua jenis kebudayaan kaum-kaum yang wujud di negara kita dijadikan kebudayaan Malaysia.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya rasa perkara itu tidak berbangkit, yang ditanya ialah Kongress Kebudayaan Yang Kedua.

**Tuan Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa Kongress Kebudayaan Yang Pertama dulu dalam bulan Ogos 1971 telah menetapkan tiga perinsip penting sebagai asas kebudayaan kebangsaan.

Pertama, Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.

Kedua, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.

Ketiga, Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan sejauh manakah pelaksanaan telah dibuat ke arah mewujudkan kebudayaan kebangsaan yang berasaskan tiga prinsip atau asas yang telah dipersetujui itu dan yang kedua apakah trend kebudayaan di negara ini sekarang ini telah terpesong daripada asas-asas yang dipersetujui atau tidak.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya fikir tidak bersangkutan dengan soalan itu. (*Ketawa*). Pertanyaan asal ialah cadangan untuk mengadakan Kongres Kebudayaan Yang Kedua. Kalau dikaitkan dengan Kongres Kebudayaan Yang Pertama, apa yang disebutkan itu, tidak bersangkutan dengan soalan yang di hadapan kita.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kenapa sebabnya Kementerian tidak bercadang mengadakan Kongres Kebudayaan Kedua dan apakah masalah yang telah terlibat dan yang dihadapi oleh Kongress Kebudayaan Yang Pertama?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak bercadang untuk mengadakan Kongres Kebudayaan Kedua kerana tidak ada sebab untuk berbuat demikian. Masalah yang jelas ialah kekurangan faham bagi setengah pihak tentang dasar itu dan rasionalnya. Ada golongan pula yang lebih suka melihat kebudayaan kebangsaan dari sudut sesuatu kaum sahaja, manakala seharusnya menjadi hasrat kita masalah yang lebih luas diperhati dalam hasil-hasil kajian nanti.

## DASAR EKONOMI BARU— MATLAMAT

11. Tuan Ismail bin Said minta Perdana Menteri menyatakan dalam konteks langkah berjimat cermat oleh Kerajaan hari ini, sama ada matlamat dasar ekonomi baru diambil kira dan sejauh mana ianya akan terjejas.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah dirangka berasaskan jangkaan kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 7.9% setahun. Sebagaimana yang kita telah maklum, pencapaian matlamat ini adalah juga bergantung kepada faktor-faktor yang di luar kuasa kita. Keadaan ekonomi negara yang sedang terjejas sekarang telah memberi gambaran kepada kita bahawa ada kemungkinan kadar pertumbuhan ekonomi yang diharapkan itu tidak dapat dicapai dengan sepenuhnya. Keadaan ini sebenarnya sedang dikaji dengan lebih teliti di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dan berkemungkinan menyebabkan terpaksa mengubahsuai rancangan-rancangan yang ada mengikut keadaan yang sedang dihadapi dan yang dijangkakan. Walau bagaimanapun, strategi Dasar Ekonomi Baru dan matlamatnya tetap tidak berubah dan ia akan menjadi tumpuan sepenuh tenaga dan usaha kita ke arah menjadikan negara Malaysia lebih makmur dan cemerlang.

Sebagai langkah tegas dari pihak Kerajaan dalam menghadapi kesan-kesan kemerosotan ekonomi, Kerajaan telah mengambil langkah berjimat cermat dengan tujuan mengurangkan perbelanjaan yang difikirkan kurang penting buat masa ini. Di bawah Belanjawan Persekutuan 1982, sebanyak \$14,881.64 juta, pada asalnya, telah diluluskan bagi perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan ini telah dikurangkan menjadi sebanyak \$12,881.45 juta. Secara amnya, pemotongan ini adalah

dibuat peruntukan yang cukup disediakan bagi projek-projek keutamaan tinggi seperti pelajaran, biasiswa, perumahan kos rendah, bekalan air dan bekalan elektrik luar bandar. Projek-projek ini adalah sebenarnya secara langsung memberi sumbangan kepada pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan membantu kepada golongan yang kurang berada.

Sungguhpun pemotongan ini terpaksa melibatkan peruntukan banyak projek pembangunan, termasuk projek-projek lain yang memberi sumbangan terus kepada matlamat DEB, ini patutlah dianggap sebagai satu langkah jangka pendek sahaja yang bermaksud hanya untuk menangguhkan pelaksanaan projek-projek yang dirancangkan itu. Setelah keadaan ekonomi kita bertambah baik nanti, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah menyediakan peruntukan-peruntukan yang secukupnya selaras dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru. Dengan hal yang demikian, tidaklah wajar ketika ini untuk kita menganggap bahawa keadaan ekonomi kita ini, khususnya langkah berjimat cermat yang sedang diamalkan sekarang, akan menjejaskan matlamat-matlamat DEB tersebut.

## ANASIR PEMECAH BELAH DI ANTARA SESAMA ISLAM

12. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap anasir-anasir yang membawa kepada pecah belah dan pemusuhan di antara sesama umat Islam di negeri ini, dan nyatakan sejauh manakah kesan anasir-anasir tersebut terhadap masyarakat umum.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, pertanyaan yang hampir sama

maksudnya dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini telahpun saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 27hb Oktober, 1982. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

### SISTEM 3M—PELAKSANAAN

**13. Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sistem 3M akan dilaksanakan sepenuhnya mengikut jadual dalam tahun 1983 dan jika benar sama ada Kerajaan telah menyediakan guru-guru dan bilik-bilik darjah yang diperlukan untuk tujuan itu.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, kurikulum baharu sekolah rendah KBSR akan dilaksanakan dengan sepenuhnya pada tahun 1983 mengikut jadual. Kementerian Pelajaran telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk menyediakan guru-guru yang akan mengajar dalam kelas KBSR melalui kursus-kursus orientasi. Bilik-bilik darjah untuk KBSR adalah mencukupi.

### PERJANJIAN GETAH ASLI ANTARABANGSA

**14. Tuan Ooi Gin Sun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan walaupun kemelesetan ekonomi dunia yang berlanjutan berlaku bagi pasaran getah, negara-negara pembeli di dalam Perjanjian Getah Asli bagi negara-negara pengeluar seperti Malaysia dan Indonesia berada di dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa itu.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang Dipertua, dengan terjalannya Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) Skim Stok Penimbal bagi getah asli telah dapat ditubuhkan di bawah operasinya pada bulan November tahun 1981 telah dapat menahan harga getah daripada

terus menurun. Semenjak bermulanya Operasi ini Pengurus Stok Penimbal Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) telah membeli getah sejumlah yang benar daripada pasaran. Sehingga ini saya telah difahamkan bahawa lebih daripada 200,000 tan getah telah dibeli dari pasaran-pasaran antarabangsa termasuk dari negara-negara pengeluar seperti Malaysia dan Indonesia.

Bagi membiayai Operasi Stok Penimbal INRO sumbangan-sumbangan kewangan yang telah dipanggil oleh INRO dari negara-negara ahli bagi membiayai Operasi tersebut setakat ini telah meningkat sehingga \$689 juta. Dari jumlah ini sumbangan Malaysia sahaja setakat ini telah meningkat kepada \$177 juta. Perbelanjaan bagi membiayai Operasi Skim Stok Penimbal di bawah INRO adalah dipersetujui dibiayai sama banyak di antara kumpulan negara-negara pengguna dengan negara-negara pengeluar. Adalah jelas ternyata sekiranya kumpulan negara-negara pengeluar sahaja secara bersendirian menanggung beban keseluruhan perbelanjaan Operasi Stok Penimbal itu sudah tentu kos yang perlu ditanggung oleh negara-negara pengeluar tanpa penyertaan negara-negara pengguna adalah lebih tinggi daripada apa yang ditanggung secara bersama sekarang di bawah perjanjian berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, walaupun INRO telah berjaya dalam menahan harga getah daripada terus menurun tetapi memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku secara berleluasa dan berterusan sekarang pasaran getah asli terus menjadi lembab. Kementerian saya juga menyedari bahawa kemampuan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa adalah terhad dalam mewujudkan sesuatu keadaan yang benar-benar memuaskan di mana industri getah asli dapat bertapak di

tahap yang lebih kukuh. Itulah sebabnya Tuan Yang Dipertua, sektor perusahaan getah asli Negara-negara dalam Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) telah mengambil langkah tambahan untuk menahan sejumlah tertentu getah dari pasaran iaitu sebanyak 250,000 tan getah bagi mengukuhkan serta menyegerakan pemulihan pasaran getah asli.

Tuan Yang Dipertua, sukalah juga saya menyatakan bahawa terdapat beberapa peruntukan dalam INRO yang membolehkan penyemakan semula dibuat terhadap kekesanan Perjanjian tersebut. Dalam hal ini Malaysia bersama-sama dengan Negara-negara Pengeluar yang lain akan mengambil segala langkah-langkah yang mungkin bagi memperbaiki beberapa aspek perjanjian itu supaya ianya berada dalam keadaan yang lebih baik untuk menstabilkan harga pada peringkat yang memuaskan.

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*)

**Tuan Yang Dipertua:** Saya tidak benarkan soalan tambahan. Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 8, 15 dan 16 adalah diberi di bawah ini.)*

#### **JURUTERA/AKITEK KONTRAK LUAR NEGERI**

**8. Tuan Edwin Anak Tangkun** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilangan Jurutera-jurutera dan Akitek Kontrak Luar Negeri yang mendaftarkan diri untuk bertugas di Malaysia sehingga hari ini bagi menjayakan Rancangan Malaysia Keempat.

**Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):** Sehingga ke hari ini

terdapat 262 Jurutera dan 44 Akitek dari Luar Negeri yang telah mendaftarkan diri bertugas di sektor awam dan sektor swasta untuk mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan Rancangan Malaysia Keempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah empat puluh empat (44) Jurutera dan dua (2) orang Akitek kontrak dari Luar Negeri yang sedang berkhidmat dengan Kementerian saya. Jumlah ini adalah termasuk mereka yang sedang berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

#### **UNDANG-UNDANG SENAPANG PATAH DI SARAWAK**

**15. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan keadaan keselamatan dalam negeri Sarawak terkawal dan juga keperluan penduduk-penduduk pendalaman di Negeri Sarawak bagi menggunakan senapang (shotgun) untuk mencari binatang-binatang untuk keperluan seharian adakah Kementerian berkenaan dapat melonggarkan syarat-syarat dan sekatan mengenai permohonan bagi memiliki senapang (shotgun).

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Undang-undang mengenai senapang patah di Sarawak adalah mengikut "Perintah Sabah dan Sarawak (Kuasa-kuasa Pemerintah) (Senapang Patah) 1977". Apa-apa perkara berhubung dengan senapang patah, seperti memberi, mengeluarkan atau membatalkan lesen dan lain-lainnya adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan.

Walaupun keadaan keselamatan di Sarawak adalah terkawal, tetapi tidaklah bermakna ianya bersih daripada anasir-anasir subversif. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang hendak melonggarkan syarat-syarat yang ada sekarang.

## JEMAAH TABLIGH

**16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa beberapa orang anggota jemaah tabligh telah tidak dibenarkan melawat ke negeri ini, dan sama ada salah satu sebabnya kita tidak mahu umat Islam mengadakan perhubungan sesama mereka atau untuk menghalang kegiatan tabligh di negara ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Kemasukan warganegara-warganegara asing ke negeri ini adalah tertakluk kepada Peraturan Imigresen 1963. Bagi warganegara bukan Commonwealth dan negara-negara yang tidak mempunyai perjanjian penghapusan visa dengan negara kita, pelawat-pelawat hendaklah mendapatkan visa terlebih dahulu dari mana-mana Perwakilan Malaysia di seberang laut sebelum dibenarkan masuk ke negara ini. Tanpa visa, mereka tidak dibenarkan masuk.

Orang-orang yang dibenarkan masuk itu pada kebiasaannya menjelaskan tujuan kemasukannya bagi membolehkan pas-pas lawatan yang bersesuaian dikeluarkan. Di antara Pas-pas Lawatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen adalah seperti berikut:

- (i) Pas Lawatan (Sosial)
- (ii) Pas Lawatan (Berniaga)
- (iii) Pas Lawatan (Kerja Sementara)
- (iv) Pas Lawatan (Iktisas)

Dalam pada itu, Ordinan Imigresen 1959 juga menyebutkan orang-orang yang tidak dibenarkan masuk ke negara ini (atau prohibited immigrants). Kerajaan tidak pernah berniat untuk menyekat kegiatan pertubuhan Islam. Dalam pada itu Kerajaan terpaksa berhati-hati supaya anasir-anasir yang tidak diingini tidak menggunakan pertubuhan-pertubuhan

tersebut bagi maksud menjalankan kegiatan jahat mereka. Tidak terdapat dalam mana-mana perkara dalam Akta, Ordinan atau Peraturan-peraturan Imigresen yang mengatakan umat Islam tidak boleh membuat perhubungan sesama mereka. Oleh yang demikian, soalan Ahli yang Berhormat itu adalah tidak berbangkit.

Walau bagaimanapun, sukalah saya menegaskan dalam dewan yang mulia ini, dengan menjadi anggota satu-satu pertubuhan di peringkat antarabangsa tidaklah bermakna mereka boleh melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negara ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Ketiga).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

*Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12, B.13 dan B.14 (Jadual)—*

*Maksud P.7, P.8 dan P.9 (Anggaran Pembangunan, 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai yang telah diumumkan kelmarin bahawa pada

jam 4.30 petang ini, Menteri berkenaan akan memberi jawapan di atas Kepala-kepala yang sedang dibincangkan. Saya berharap tiap-tiap Ahli dapat memendekkan ucapan masing-masing kepada 10 atau 15 minit untuk membolehkan banyak Ahli-ahli bercakap dan saya berharap Ahli-ahli akan menyentuhkan di atas Kepala-kepala yang berkenaan sahaja dan janganlah terkeluar daripada butir-butir perbincangan.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Marudu.

3.38 ptg.

**Tuan Haji Affendy bin Tuan Haji Mohd. Fuad Stephens (Marudu):** Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa integrasi nasional kurang diberi perhatian oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Pada kaca mata Kerajaan Persekutuan perpaduan negara hanya merupakan perhubungan di antara tiga kaum yang terbesar di negara ini khususnya di Semenanjung Malaysia sedangkan perhubungan yang lebih erat di antara semua wilayah dalam Malaysia juga merupakan satu aspek yang penting dalam proses perpaduan negara. Saya ingin menggesa Kerajaan Persekutuan melalui program-program Jabatan Perpaduan Negara supaya memberi perhatian yang lebih kepada aspek perpaduan negara ini. Program-program Jabatan Perpaduan Negara khususnya program perhubungan masyarakat perlu dipertingkatkan untuk meliputi perkara ini supaya hubungan di antara rakyat di Sabah dan Sarawak dengan rakyat Semenanjung Malaysia akan menjadi lebih erat dan mesra.

Tuan Pengerusi, dalam konteks integrasi nasional saya juga ingin menyentuh tentang Maksud Bekalan 8—Jabatan Perkhidmatan Awam, Aktiviti (4) iaitu Perkhidmatan dan Aktiviti (5) iaitu Latihan dan Kemajuan Kerjaya.

Saya ingin mengetahui sama ada Kerajaan Persekutuan sedar atau tidak tentang kekurangan minat rakyat Malaysia daripada Sabah untuk berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan termasuk untuk jawatan-jawatan Persekutuan yang terdapat di Sabah. Ingin saya menarik perhatian Kerajaan Persekutuan khususnya Bahagian Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam kepada hakikat bahawa tidak ada rakyat Malaysia daripada Sabah yang berkhidmat dalam perkhidmatan luar negeri Malaysia. Perkara-perkara ini adalah kurang sihat dan ia akan melembabkan proses integrasi international. Saya suka menggesa Jabatan Perkhidmatan Awam supaya mengadakan kajian yang ikhlas ke atas masalah ini dengan tujuan untuk mencari jalan yang sesuai untuk mengatasi perkara ini. Mungkin Kerajaan Persekutuan perlu mengadakan lebih galakan seperti mengadakan lebih biasiswa untuk pegawai-pegawai Sabah yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan. Dalam hubungan ini saya suka saya menyeru supaya Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil langkah-langkah yang khusus untuk memastikan supaya lebih ramai lagi pegawai-pegawai Sabah dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan akan diberi peluang untuk melanjutkan pendidikan mereka di luar negeri dengan biasiswa Kerajaan Persekutuan, ini mungkin akan menjadi Perkhidmatan Awam Persekutuan lebih menarik dan seterusnya mempercepatkan proses integrasi nasional. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Balik Pulau.

3.40 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau):** Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 9, muka surat 79, Butiran 1100, Aktiviti (1), (2), (3) dan (4) iaitu Jabatan Kehakiman.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat strategi Belanjawan yang mengenai Jabatan Kehakiman ini Jabatan ini akan cuba menyelesaikan kes-kes yang dibawa ke mahkamah-mahkamah dengan seberapa segera supaya tidak ada kelambatan berlaku. Jabatan Kehakiman juga akan terus berusaha melicinkan lagi pelaksanaan pentadbiran keadilan dan memelihara kebebasan kehakiman. Tetapi kalau kita lihat peruntukan yang diberi iaitu peruntukan tahun 1982 ada \$30 juta tetapi peruntukan pada tahun 1983 hanya \$25 juta. Ini kekurangan sebanyak \$5.01 juta. Jadi saya yakin dengan kekurangan ini maka pihak Jabatan Kehakiman tidak dapat melaksanakan tugas-tugas ataupun urusan-urusan dalam jabatannya. Sebagai contoh dapat kita lihat prestasi program Mahkamah Persekutuan. Pada tahun 1981 ada sebanyak 633 kes yang dibawa ke hadapan (backlog) dan pada tahun 1982 sebanyak 938 kes dan pada tahun 1982 dijangka kes-kes yang akan dibawa ke hadapan ialah 1243 kes. Ini menunjukkan kes tiap-tiap tahun itu bertambah yang dibawa ke hadapan dan ini membuktikan bahawa pegawai-pegawai kehakiman dan kakitangannya tidak mencukupi. Kalau keadaan ini berlaku berlanjutan maka saya bimbang pihak Jabatan Kehakiman tidak dapat melaksanakan strategi seperti yang telah dinyatakan di sini dan bila kes-kes yang banyak itu lambat dibicarakan atau percaraan memakan masa dua tiga tahun, boleh jadi dalam masa tersebut saksi-saksi yang berkenaan yang penting sudah mati ataupun orang yang membawa kes ke mahkamah sudah mati. Jadi di manakah kita dapat menegakkan keadilan dalam perkara ini? Oleh itu, saya haraplah pihak Kerajaan akan dapat mengkaji semula peruntukan yang dipotong itu supaya ditambah sebab negara kita sentiasa hendak menegakkan keadilan. Saya mengharapkan pihak Kerajaan dapat menambah, bukan memotong, sebaliknya menambahkan peruntukan

dalam Jabatan Kehakiman ini supaya kes-kes yang kita bawa ke hadapan dapat kita kurangkan dari setahun ke setahun. Begitu juga dalam Mahkamah Tinggi, kes pada tahun 1981 yang dibawa ke hadapan 15,573. Tahun 1982 terdapat 16,551 kes dan tahun 1983 dijangka 17,533 kes. Jadi inilah yang merisaukan saya dan saya harap perkara ini akan diberi perhatian yang penting oleh pihak Kerajaan dalam melaksanakan keadilan kepada rakyat kita dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu saya suka juga menyentuh ucapan yang telah dibuat oleh rakan saya Yang Berhormat dari Jelutong. Beliau sangat susah hati, beliau sangat rasa dukacita kerana Kerajaan akan menghapuskan rayuan-rayuan kes-kes yang mengenai perkara sivil ke Majlis Privy. Ini menunjukkan bahawa bagaimana tebalnya semangat penjajahan yang masih ada dalam diri beliau. Kalau Tuan Pengerusi izinkan saya baca sedikit petikan ucapannya, sebab ini penting. Kata beliau: "Pihak Kerajaan telah menunjukkan hebatnya hendak menghapuskan semua rayuan ke Majlis Privy mulai daripada 1hb Januari, 1978. Rayuan-rayuan dalam hal jenayah dan Perlembagaan ke Majlis Privy telah pun dihapuskan. Daripada itu orang-orang yang dikenakan hukuman Mahkamah Tinggi telah pun mengalami kerugian dan salah satu jalan untuk menyelamatkan hak kebebasan mereka dan juga dalam satu-satu perkara hak keselamatan nyawa mereka."

Ini beliau mempertikaikan keputusan yang telah dibuat oleh hakim. Ertinya, keputusan hakim menjatuhkan hukuman bunuh kepada orang-orang yang berkenaan itu bagi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dikatakan rugi. Bila beliau katakan rugi, ertinya beliau tidak setuju dan beliau mempertikaikan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh

hakim kita. Jadi saya berasa hairan, beliau sebagai salah seorang peguam dan saya difahamkan peguam ini adalah seorang daripada pegawai mahkamah—sama ada betul atau tidak, barangkali Tuan Pengerusi lebih maklum. Peguam ini kalau saya tidak silap salah seorang daripada pegawai mahkamah. Kalau pegawai mahkamah sendiri tidak yakin dan tidak mempunyai kepercayaan kepada Mahkamah, saya fikir beliau lebih baik berhenti jadi peguam.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, on a point of order 36(6) bahawa tidak seoranganpun patut impute improper motives, dan di sini sangat jelas bahawa Ahli Yang Berhormat itu ada impute improper motives oleh kerana apabila Ahli Yang Berhormat dari Jelutong berkata 'rugi', bukan apa-apa pertikaian tetapi 'rugi' lagi satu kesah untuk rayuan. Ini impute improper motives bahawa beliau tidak percaya kepada judiciary di peringkat Mahkamah Tinggi atau Federal Court itu tidak timbul.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa itu bukanlah impute improper motives. Sila teruskan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Pengerusi, ada banyak lagi contoh-contoh di mana dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu beliau tidak mempercayai kebolehan hakim-hakim kita, beliau merendah-rendahkan kebolehan hakim-hakim kita. Saya ingin bacakan, kalau diizinkan.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat tak payahlah dengan kerana kita menghadkan masa.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Jadi beliau lebih suka wujud lagi rayuan itu dapat kita bawa sehingga ke Majlis Privy. Ini menunjukkan bahawa beliau masih yakin atau mempunyai keyakinan yang penuh kepada hakim-hakim di England daripada hakim-hakim dalam negeri kita sendiri. Jadi

ini melibatkan taat setia seseorang, seorang peguam, seorang pegawai mahkamah.....

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order lagi. Lagi sekali impute improper motives oleh kerana mengenai taat setia kepada judiciary dan lain-lain. Apa Yang Berhormat dari Jelutong mahu ialah kalau Privy Council dihapuskan, lagi satu peringkat mahkamah tempatan diadakan.

**Tuan Pengerusi:** Tentang taat setia itu impute improper motives. Jangan sebut tentang taat setia itu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang Dipertua, malangnya Ahli Yang Berhormat itu tidak ada, tetapi rakannya pula menjadi peguambela dalam Majlis Dewan Rakyat ini. Tuan Pengerusi, saya yakin kedua-dua orang ini iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu mempunyai sama tabiat dan sama tingkah laku dan sama kepercayaan dalam perkara mahkamah ini. Maka itu beliau dengan terus tanpa diminta oleh rakannya terus membela rakannya dalam Majlis Dewan Rakyat ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, itu dia buat impute improper motives lagi di bawah Peraturan 36(6).

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Ahli Yang Berhormat teruskan ucapan bersangkutan dengan butir-butir di hadapan kita.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang Dipertua, semasa Ahli Yang Berhormat itu bercakap saya tak pernahpun mengganggu ucapan beliau. Berilah peluang saya bercakap—ini negara demokrasi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ganggu atau tak ganggu itu tak timbul. Ini point of order sahaja.

**Tuan Pengerusi:** On a point of order, dia boleh bangun. Jika Ahli Yang Berhormat hendak bangun on a point of order, boleh. Itu hak.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Pengerusi, sebenarnya saya ada ingatan hendak membawa masalah Ketua Pembangkang ini yang telah dibawa oleh rakan-rakan saya, tetapi saya kasihan kepada beliau itu.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat benda itu tak bersangkutan dengan benda-benda yang akan dibincangkan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Pengerusi, beliau selalu mengganggu dan mengambil masa saya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, itu lagi impute improper motives. Saya berdiri atas point of order, itu motif saya—point of order dan beliau kata saya selalu mengganggu adalah impute improper motives lagi.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan ucapan itu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Pengerusi, masa saya yang terbuang saya minta ditambah.

**Tuan Pengerusi:** Boleh, silakan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Terima kasih. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka jangan mengganggu saya lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu lebih mempercayai, lebih yakin kepada keadilan yang akan dilakukan oleh hakim-hakim daripada Inggeris. Mari kita lihat sama ada benar orang-orang Inggeris ini sentiasa menegakkan keadilan—orang-orang Eropah, orang-orang barat ini sentiasa menegakkan keadilan. Mari kita lihat apa yang berlaku kepada Bangsa-bangsa Bersatu; orang-orang Inggeris ini salah satu daripada kuasa-kuasa

besar. Mereka ini apabila orang-orang Israel menceroboh, membunuh rakyat di Lebanon, mereka diam, pihak Amerika pula langsung menyokong supaya Israel ini jangan diganggu-gugat. Mereka ini bersubahat dengan orang-orang yang tidak menjalankan keadilan. Maka itu saya menyokong tindakan Kerajaan supaya menyegerakan penghapusan rayuan kes-kes sivil kepada Majlis Privy, lagi cepat, lagi baik. Ini akan memberi manfaat yang lebih kepada negara kita dan kata Yang Berhormat dari Jelutong tadi beliau merasa malu dan negara kita malu kerana kita tidak membenarkan kes-kes jenayah dan kes-kes sivil ini dibawa ke Majlis Privy.

Pada himat saya kalaulah lagi kita bawa, tentulah kita merasa malu, sebab kita masih lagi bergantung kepada orang-orang lain, orang-orang luar untuk menjalankan keadilan kepada negara kita. Walaupun kita sudah merdeka 25 tahun, masih lagi kita hendak rujuk kepada orang luar, tentang pengurusan keadilan dalam negara kita. Ini pada saya yang patut kita malu ialah Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Ahli-ahli DAP termasuk Ketua Pembangkang patut merasa malu, sebab kita masih lagi hendak bergantung kepada orang-orang daripada luar untuk hendak menjalankan pengurusan keadilan dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh P.7, muka surat 70, Butiran 17 Peniaga-peniaga Kecil.

Sejauh ini ramai orang-orang Melayu dan orang-orang bumiputra berkecimpung dan mencebur diri mereka ini dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan terutama di bandar-bandar dan di luar bandar. Yang paling ramai kita lihat, ramai orang-orang bumiputra ini masuk dalam perniagaan kecil ini ialah di bandar Kuala Lumpur. Tetapi kalau kita lihat peruntukan yang telah

disediakan ini nampaknya peruntukan ini kurang daripada tahun 1982—peruntukan yang diberi sangat kurang dan saya harap kalaulah Kerajaan bercadang hendak menambahkan lagi peniaga-peniaga kecil mencebur diri mereka dalam bidang perniagaan maka sekali lagi saya berharap dan saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya peruntukan-peruntukan asal yang diminta oleh Jabatan janganlah dipotong dan dengan yang demikian dapat kita membanyakkan lagi peniaga-peniaga kecil yang terdiri daripada orang-orang luar bandar daripada bumiputra yang ingin masuk dalam bidang ini. Dengan cara mereka ini menceburkan diri dalam bidang peniaga-peniaga kecil, kita harap daripada sinilah mereka akan membina kebolehan mereka itu supaya dapat masuk ke dalam bidang lebih luas dan lebih tinggi lagi daripada yang ada sekarang ini.

Setakat ini Kerajaan telah mengeluarkan berbagai-bagai bantuan kepada peniaga-peniaga kecil ini terutama yang berupa alat atau berupa kereta-kereta sorong, tapak perniagaan dan sebagainya. Jadi oleh sebab peniaga-peniaga kecil ini terdiri daripada orang-orang yang berpendapatan rendah, walaupun bantuan itu pada saudagar-saudagar yang besar, peniaga-peniaga yang besar tidak seberapa kalau kita bandingkan dari segi kewangan. Tetapi kepada peniaga-peniaga kecil yang mempunyai pendapatan rendah ini bantuan-bantuan itu sangat besar artinya dalam hendak menggalakkan mereka ini masuk ke dalam bidang itu. Saya harap Kerajaan dapat menambahkan lagi peruntukan ataupun bantuan-bantuan ini kepada peniaga-peniaga kecil terutama dalam kawasan saya di mana lebih daripada 100 orang sekarang ini yang sedang menunggu untuk hendak mendapat bantuan-bantuan ini. Tetapi jawapan yang kita terima daripada pegawai-pegawai yang berkenaan bahawa

peruntutannya telah habis, khususnya di Pulau Pinang di mana Kerajaan Negeri telah menggalakkan rakyat daripada berusaha bercucuk tanam, bertani masuk ke bidang industri. Jadi kalau peruntukan ini dikurangkan, tidak dapatlah kita hendak mencapai tujuan atau cita-cita Kerajaan terutama Kerajaan Negeri yang ingin melihat lebih ramai orang Melayu masuk dalam bidang perniagaan ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya suka menyentuh 8.7—Butiran (Kod) 1100, Program (9) Jabatan MAMPU atau Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia atau nama singkatnya (MAMPU).

Tuan Pengerusi, izinkan saya membaca sedikit mengenai tujuan MAMPU ini iaitu berbunyi:

“Tujuan MAMPU memperkuatkan struktur pentadbiran dan perancangan tenaga manusia dalam jentera pembangunan di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan tempatan untuk mencapai matlamat pemodenan, pentadbiran dan perancangan tenaga manusia.”

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya suka menarik perhatian MAMPU supaya mengkaji tugas-tugas di Jabatan Kerjaraya (JKR) terutama yang mengenai buruh-buruh. JKR ini telah menjadi buah mulut orang ramai, JKR itu bukan Jabatan Kerjaraya, mereka katakan ‘Jangan kerja rajin’. Kita dapati banyak buruh-buruh JKR ini tidak menjalankan kerja yang sepenuhnya dan tentulah ada kesilapan di mana-mana.

Selain daripada buruh ini ada pengawasnya, ada penyeliannya, walaupun penyeliannya ada tetapi kerja macam itu juga. Sebagai contoh misalnya hendak buat sebatang jalan boleh dibuat oleh buruh-buruh JKR ini dalam masa sebulan, tetapi kerja yang sama kalau kita beri kepada kontraktor, 10 hari siap. Saya

mempunyai kenyataan, mempunyai kes kalau hendak diminta dalam perkara ini, jadi saya harap pihak MAMPU akan mengkaji perkara ini di mana silapnya dan bagaimana hendak dibuat sama ada patut kita menghadkan kerja atau fungsi buruh-buruh JKR ini hanya untuk penyenggaraan (maintenance) jalan-jalan sahaja atau rumah-rumah Kerajaan, jangan kita beri mereka ini buat pembinaan projek-projek, manamana projek itu beri kepada kontraktor. Ini ada kajian ini patut dibuat dan dikaji daripada segi yang saya katakan mudah-mudahan dengan kajian ini kita dapat melaksanakan lebih cepat lagi program-program, projek-projek yang telah banyak tertangguh.

Tuan Pengerusi, satu lagi patut juga MAMPU ini mengkaji kerja-kerja yang selalu lambat dalam Pejabat Tanah. Pejabat Tanah ini sangat mustahak kerana semua perancangan, semua projek-projek tentulah terlibat dengan tanah. Hendak buat sekolah pun kita berkehendak tanah, kita hendak buat padang kapal terbang berkehendak tanah, hendak buat rumah murah berkehendak tanah. Nampaknya kerja-kerja di Pejabat Tanah ini sangat lambat, habis cepat 6 bulan. Kalaulah satu-satu projek perumahan yang hendak dibuat oleh pihak swasta, dia pinjam duit daripada bank membeli tanah, kemudian tanah itu hendak dibuat sub division, kemudian hendak dibuat lay-out dan sebagainya sangkut di Pejabat Tanah. Pemaju perumahan ini pinjam duit bank dan bunganya sentiasa naik dari satu masa ke satu masa. Kalau Pejabat Tanah mengambil masa 2 tahun baru selesai bab tanah ini maka kos perumahan tadi akan meningkat. Pihak pemaju tak jadi masalah, naik tinggi melangit pun segala kos itu akan ditanggung oleh pembeli, oleh pengguna, inilah masalahnya. Saya harap pihak Kerajaan khususnya

MAMPU mengkaji bagaimana Jabatan Tanah ini boleh kita selesaikan kerjanya dengan secepat yang boleh. Ini sudah menjadi pengetahuan umum, bila pergi ke Pejabat Tanah semua orang tahu kerja akan jadi terlambat, akan delay, dengan izin.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:**  
Terima kasih.

*4.02 ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok):** Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh satu dua perkara sahaja dalam perbahasan. Pertamanya, Suruhanjaya Pilihanraya pada mukasurat 38 Maksud Bekalan B.4 dan mungkin jika diizinkan oleh Tuan Pengerusi akan saya sentuh dalam soal B.7, Pentadbiran Ugama Islam, dalam mukasurat 51.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh keempat-empat program di bawah Butiran 1100 dalam Maksud Bekalan 4, Suruhanjaya Pilihanraya, iaitu Pentadbiran Am, Pendaftaran Pemilihan dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih, Perjalanan Pilihanraya dan jika sempat, Penyelidikan Latihan dan Penerbitan Pilihanraya.

Pihak Suruhanjaya Pilihanraya mewujudkan aktiviti atau program ini ialah untuk mengadakan satu jentera pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri-negeri bagi memastikan bahawa semua dasar-dasar Suruhanjaya Pilihanraya dapat dilaksanakan dengan sempurna lagi berkesan. Tujuan ini sebenarnya dapat dicapai hanya di peringkat Ibu Pejabat sahaja tetapi setengah-setengah negeri masih belum dikatakan baik lagi, apatah lagi apabila kita memandang kepada perlantikan yang dibuat oleh setengah-setengah Ketua Jajahan ataupun Pegawai-pegawai Daerah

selaku Pegawai Pengurus Pilihanraya terhadap jawatan-jawatan seperti Pegawai-pegawai Pendaftar, Pegawai Penolong Pendaftar dan seterusnya kepada Ketua Tempat Mengundi jauh daripada memuaskan.

Di kawasan saya, Tuan Pengerusi, terdapat sebahagian daripada Pegawai Pendaftar Pemilih, Penolong Pendaftar Pemilih dan Ketua Tempat Mengundi terdiri dari orang-orang yang kurang faham sistem demokrasi yang sebenarnya. Saya mencadangkan supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya atau Pegawai Pilihanraya Negeri Kelantan jangan menyerah bulat-bulat perlantikan setengah-setengah Pegawai Pendaftar atau Penolong Pendaftar kepada Ketua Jajahan yang terlibat kerana beribu-ribu lagi bilangan orang-orang yang layak mengundi tetapi tidak didaftarkan sebagai pemilih. Perlantikan seperti ini hendaklah dibuat kepada orang-orang yang sungguh-sungguh bertanggung-jawab. Kalau orang yang dilahirkan di negara ini turun-temurun sejak beberapa lama masih lagi tidak didaftarkan sebagai seorang pemilih walaupun ianya berumur lebih daripada 21 tahun, maka di manakah keistimewaan yang ada kepadanya. Pendaftar-pendaftar yang berat sebelah kerana fahaman politik, ideologi politik yang dianutinya janganlah mereka diberi peluang bertugas dalam masalah yang penting ini. PAS merasakan masalah ini satu masalah yang sungguh penting kerana kedudukan pengundi di dalam sesebuah negara adalah boleh mengubah keadaan dan ketetapan yang ada di dalam sesebuah Perlembagaan bagi sesebuah negara itu. Tolonglah bersih segala tugas yang dibenarkan dan tolonglah amanahkan segala perkara yang diberikan.

Tuan Pengerusi, dalam pilihanraya yang lepas 22hb April, 1982 beberapa tempat mengundi di dalam kawasan Parlimen saya telah dibanjiri oleh

pengundi pada sebelah pagi tetapi malangnya kerana kelembabpan Ketua Tempat Mengundi maka para pengundi yang tersebut yang terdiri dari orang-orang tua, orang-orang perempuan terpaksa juga menunggu berjam-jam lamanya baru dapat mengundi. Di suatu tempat mengundi terdapat waktu pukul 8.25 pagi sepatutnya dimulakan 8.00 pagi baru pengundinya dapat dimulakan, ini disebabkan oleh Pegawai atau Ketua Tempat Mengundi itu baru selesai mengatur segala alat perkakas pengundian dan juga tempat duduk kerani mengundi, pengundi yang pertama dan juga pengundi yang kedua, kerani yang pertama dan juga kerani yang kedua.

Satu kejadian berlaku, Tuan Pengerusi, apabila pengundi yang pertama masuk ke meja Ketua, dia mengarahkan supaya pengundi itu pergi ke tempat kerani yang pertama untuk menyemak sama ada namanya ada di dalam Buku Daftar Pengundi atau sebaliknya sambil membandingkan namanya di dalam Buku Pendaftar Pengundi dengan nama yang ada di dalam Kad Pengenala, setelah itu pengundi itu pergi ke tempat kerani kedua untuk menerima kertas undi. Malangnya kerani kedua tidak mengacik kertas undi itu dan terus diberikan kepada pengundi untuk dipangkah. Saya memerhati keadaan semuanya ini, saya memerhati Ketua Tempat Mengundi itu tunduk sahaja membalik kertas-ertas yang ada di hadapan dia, tidak sedikit pun melihat kepada apa yang dilakukan oleh kerani itu, rupanya tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang Ketua Tempat Mengundi tidak diketahuinya dan tidak juga terbayang di kepalanya. Pada ketika ini saya sebagai calon Parlimen terus meminta kebenaran daripada Mata-mata yang berkawal di situ untuk masuk mengingatkan Ketua itu dan meminta supaya kertas undi itu dikacik dahulu

sebelum dipangkah. Di tempat lain juga berlaku seperti ini. Keadaan ini sama ada Ketua dan kerani-keraninya lembab, tidak cekap atau tidak faham membaca arahan-arahan Suruhanjaya Pilihanraya yang diberi kepadanya atau kursus yang diberi oleh Ketua Jajahan atau Pegawai Daerah selaku Pegawai Pilihanraya Kawasan tidak berkesan atau setengah daripada nama-nama Ketua Tempat Mengundi dan setengah daripada kerani-keraninya diberi oleh pihak tertentu di dalam satu senarai kepada Ketua Jajahan untuk diterima bertugas sebagai Ketua dan kerani walaupun mereka hanya mampu setakat menentukan subsidi baja padi sahaja. Ini sebagai satu contoh.

Perkara yang kedua dalam Program (2) ini ialah masalah pengundi berdaftar lebih daripada sekali. Kita faham tujuan Suruhanjaya Pilihanraya di antara lain ialah memastikan pengundi berdaftar tidak lebih daripada sekali dan menentukan pemilih yang tidak berkelayakan akibat tindakan undang-undang, kematian dikeluarkan atau dipotong namanya dari Senarai Daftar Pemilih. Dalam pilihanraya yang lepas masih ramai lagi pengundi-pengundi yang berdaftar lebih daripada sekali, ini disebabkan sama ada seseorang pengundi itu berpindah ke tempat lain dan namanya di tempat asal tidak dipotong atau berbagai-bagai sebab lagi. Sehubungan dengan ini ada rancangan-rancangan tanah yang belum dibuka dengan rasminya, ertinya senarai penerokanya di dalam senarainya sahaja belum ada peneroka-peneroka di rancangannya ditempatkan di rancangan itu telah dibolehkan mengundi, sepatutnya biarlah peneroka-peneroka baru di rancangan tanah yang baru dibuka itu tinggal di rancangan itu dahulu, barulah namanya dimasukkan ke dalam Buku Daftar Pengundi. Hal ini membolehkan pengundi-pengundi yang tersebut mengundi lebih daripada

sekali. Jadi saya mengharapkan supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengambil langkah-langkah perlu dan segera supaya tidak seorang pun daripada pengundi dapat mengundi lebih daripada sekali.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1980, 1981 dan 1982 sistem pendaftaran berpadu yang merangkumi tiga keadah; pendaftaran statik, pendaftaran rumah ke rumah dan unit bergerak telah berjalan. Dalam hal ini saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan adakah benar bahawa pada tahun 1983 ini pendaftaran rumah ke rumah tidak akan dijalankan kecuali kaedah pendaftaran rumah ke rumah ini akan digunakan kembali di masa-masa akan datang apabila ekonomi negara berada di dalam keadaan yang lebih baik.

Tuan Pengerusi, mengikut peraturan-peraturan pendaftaran pemilih, Suruhanjaya Pilihanraya bertanggungjawab untuk mengadakan urusan pendaftaran pemilih dan penyemak daftar pemilih di antara 21 hari hingga 42 hari pada satu-satu masa sekali setahun. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, dalam banyak tahun yang lalu tempoh pendaftaran ini dijalankan selama 42 hari tetapi pendaftaran pemilih yang dijalankan pada tahun ini iaitu sebelum daripada pilihanraya baru-baru ini ataupun selepas pilihanraya baru-baru ini ialah selama 21 hari sahaja. Jadi saya ingin merayu kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya supaya tempoh pendaftaran pemilih itu hendaklah dijalankan selama 42 hari. Tempoh 21 hari itu adalah tidak mencukupi.

Pamiran Daftar Pengundi—selepas pengundi-pengundi didaftarkan maka ada satu tempoh iaitu tempoh Pamiran Daftar Pengundi. Tempoh pamiran ini mengikut peraturan pilihanraya ialah selama 14 hari. Tempoh ini sebenarnya sememangnya tidak mencukupi sebab kalau kita perhatikan kerja-kerja yang

patut kita jalankan dalam masa pamiran itu banyak. Dalam pilihanraya yang lalu saya dapati pengundi di kawasan saya ia akan ditolak selepas pendaftaran dibuat, kemudian disemak didapati lebih 3,000 pengundi dari kawasan saya akan ditolak dimasukkan ke dalam senarai 'C' dan kami hanya dapat mengesan sebanyak 225 orang sahaja. Kami telah bekerja untuk mengisi borang-borang yang berkenaan, 3 ataupun 4 borang yang berkenaan bagi membolehkan pengundi-pengundi yang berkenaan dapat membuat bantahan atau penentangan adalah memakan masa yang banyak juga. Ini tidak termasuk masa perbincangan dalam masa pamiran ini. Jadi saya juga meminta supaya masa ini ditimbang tidaklah dibuat sebanyak 14 hari sahaja.

Satu perkara lagi, ini khusus untuk dalam kawasan Parlimen saya, Daftar Pemilih yang diberi tempoh selama 14 hari dipamirkan itu terdapat hari yang ketujuh sahaja setengah daripada tempat-tempat pamiran itu dibuka. Ertinya dalam tempoh 14 hari itu kita dapati 6 hari; 1 hingga 6 hari itu tidak dipamir lagi. Beberapa tempat lebih daripada separuh tempat, pamiran yang ada di dalam kawasan Parlimen Bachok baru dipamirkan Daftar Pemilih itu pada hari yang ketujuh dan ada setengah tempat dipamirkan pada hari kesepuluh. Jadi daripada hari yang kesepuluh sampai hari yang ketiga belas itu dapat kita mengisi borang-borang, nama-nama pengundi yang tidak ada di dalam buku Daftar Pengundi kerana nama-nama yang akan ditolak. Kita bekerja siang dan malam untuk menudahkan kira-kira 225 pemohon untuk dikemukakan kepada pihak pegawai Pilihanraya tempatan.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:**  
Terima kasih

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Jerantut.

4.14 ptg.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang di dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa ini bagi menyentuh Maksud Bekalan B.7 Jabatan Perdana Menteri di bawah perkara (9) muka surat 52 iaitu berkenaan dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU)

Rakan saya dari Balik Pulau baru sahaja menyentuh berkenaan dengan MAMPU tetapi saya tidak akan menyentuh berkenaan dengan buruh-buruh JKR. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh khas ke atas tajuk Pemodenan Pentadbiran di peringkat Pentadbiran Daerah. Pada masa ini MAMPU telah membuat kajian bagi memodenkan pentadbiran daerah serta saya percaya telah memajukan kepada Kerajaan rancangan Pemodenan Pentadbiran Daerah. Kebetulan semasa saya bertugas di peringkat daerah dahulu, saya juga pernah didatangi oleh MAMPU dalam membuat kajian seperti ini. Saya percaya usaha-usaha juga telah dibuat ke arah ini umpamanya dengan mengadakan projek-projek Pejabat Daerah contoh.

Baru-baru ini saya telah diberitahu bahawa 6 orang Pegawai Daerah telah dipilih dari seluruh negara untuk dihantar ke Amerika Syarikat untuk membuat satu kajian berkenaan dengan Pentadbiran Penguasa Tempatan. Ini merupakan di antara langkah yang perlu dan patut dipuji. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, adalah didapati pelaksanaan rancangan pemodenan ini tidak begitu licin dan berada di tahap yang lembab. Sebagai contohnya, pertama: masih

banyak lagi bangunan Pejabat Daerah yang usang, buruk dan lama yang telah dibina di zaman penjajah dahulu yang tidak sesuai lagi bagi zaman ini. Begitu juga kelengkapan pejabat seperti kerusi meja, mesin taip dan sebagainya belum ditukar kepada yang baru walaupun baru-baru ini Kerajaan bercadang untuk menggunakan komputer di Pejabat Tanah. Yang keduanya, sistem menyimpan fail dan dokumen masih lagi cara lama. Saya dahulu pernah berjumpa geran-geran tanah yang disimpan di Pejabat Daerah telah menjadi lapuk oleh kerana sistem penyimpanan yang tidak sempurna. Yang ketiganya, orang ramai masih lagi mendapat perkhidmatan dan penerangan yang lambat bila berhubung dengan Pejabat-pejabat Daerah dan juga Tanah. Dan yang keempat, Pegawai Daerah masih lagi dibebankan dengan tugas Pemungut Hasil Tanah dan tugas-tugas sebagai Yang Dipertua, Majlis Daerah. Ini semua membayangkan satu keadaan yang masih belum diselaras dan dimodenkan di peringkat paling bawah pentadbiran Kerajaan.

Oleh itu rakyat ramai tidak dapat menikmati perkhidmatan Pejabat Daerah seperti yang diharapkan. Soalnya apakah perkara ini sesuai dengan pendekatan baru pentadbiran 2M? Kebanyakan pejabat-pejabat Kerajaan di peringkat Pusat dan juga di bandar-bandar besar telah mengadakan perkhidmatan dan pentadbiran cekap dan memuaskan. Perkara ini haruslah dipuji tetapi apa yang penting supaya semua rakyat di seluruh negara terutamanya penduduk di luar bandar juga mendapat perkhidmatan Kerajaan yang sempurna, maka pelaksanaan pemodenan pentadbiran ini harus disegerakan dan diberi keutamaan serta peruntukan yang mencukupi. Saya percaya rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional khususnya di dalam Dewan

yang mulia ini akan dengan senang hati menyokong peruntukan bagi Maksud ini.

Tuan Pengerusi, di antara sebab-sebab pentingnya pemodenan ini patut disegerakan ialah:

- (1) Pejabat Daerah, Tanah dan juga Pejabat Majlis Daerah dan lain-lain Jabatan teknik di peringkat daerah adalah merupakan imej ataupun gambaran yang pertama dan terhampir sekali pada pandangan rakyat di peringkat bawah. Yang demikian apa jua yang berlaku di peringkat pentadbiran daerah akan dengan sendirinya membayangkan pentadbiran Kerajaan keseluruhannya;
- (2) Pentadbiran daerah adalah pentadbiran yang secara terus melibatkan kehidupan rakyat;
- (3) Perkhidmatan-perkhidmatan seperti urusan tanah, perbandaran dan pembangunan yang ditadbirkan oleh pentadbiran daerah ini adalah satu perkhidmatan yang sangat penting kepada keseluruhan rakyat; dan
- (4) Perkhidmatan yang diberikan akan dapat memberikan sokongan kepada pembangunan negara yang seterusnya akan menambahkan daya keluaran negara dan pertumbuhan ekonomi negara.

Sebagai contoh yang jelas dalam masalah pembangunan sektor perumahan bermula prosesnya dari pentadbiran Pejabat Tanah di daerah ataupun di peringkat Pejabat Daerah itu sendiri.

Tuan Pengerusi, di sini saya sukalah mencadangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan pemodenan pentadbiran daerah walaupun saya sadar MAMPU telah mempunyai rancangan yang kemas atas perkara ini. Terutamanya bidang tugas Pegawai

Daerah hendaklah diasingkan terus daripada bidang tugas sebagai Pemungut Hasil Tanah dan sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah.

Yang kedua, bangunan pejabat-pejabat termasuk kelengkapan-kelengkapan pejabat yang moden hendaklah diadakan segera bagi mewujudkan suasana yang selesa dan sesuai kepada kakitangan Kerajaan dan orang ramai. Baru-baru ini, saya telah berpeluang pergi ke Pejabat Daerah Gombak dan saya dapati pejabat itu adalah satu bangunan yang moden dan mempunyai kelengkapan yang baik dan itu haruslah menjadi contoh kepada Pejabat-pejabat Daerah yang lainnya.

Ketiga, Pejabat Tanah Daerah dan juga Pejabat Daerah dan Jabatan-jabatan Teknik hendaklah diperuntukkan kewangan dan kakitangan mahir dan juga kakitangan yang mencukupi.

Keempat, peranan dan keahlian Jawatan Kuasa Tindakan Daerah hendaklah diubahsuaikan.

Pada masa ini mesyuarat Tindakan Daerah dihadari oleh 40-50 orang dari berbagai-bagai Jabatan Kerajaan termasuk Wakil-wakil Rakyat, Parlimen dan juga Negeri. Ini satu jumlah yang ramai bagi satu mesyuarat di peringkat daerah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad pernah berkata semasa Persidangan Commonwealth Rantau Asia Pasific baru-baru ini, bahawa bermesyuarat dengan keahlian yang kecil adalah lebih berfaedah dan lebih mendatangkan hasil. Oleh itu saya rasa keahlian Mesyuarat Tindakan Daerah ini perlu diperkecilkan. Ini dapat diperbuat dengan cara jika jabatan yang datang dari satu Kementerian menghantar hanya satu atau dua wakil sahaja. Sebagai contoh jabatan di bawah Kementerian Pertanian

misalnya pada masa ini diwakili ke dalam Mesyuarat Tindakan Daerah ini oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Parit dan Taliair, Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA, Jabatan Perikanan dan Jabatan Koperasi. Pada pandangan saya memadai jika Pegawai Pertanian dan Jurutera Jabatan Parit dan Taliair sahaja yang mewakili jabatan-jabatan ini di bawah Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi, itulah berkenaan pemodenan Tadbiran Daerah dan adalah menjadi harapan kita perkara-perkara ini akan dapat dilaksanakan dengan seberapa yang segera.

Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 7, Perkara 4, mukasurat 51 iaitu berkenaan dengan Keselamatan Negara. Ahli DAP daripada Kepong semalam ada menyentuh peristiwa yang berlaku pada 5hb November, 1982 di mana pengganas komunis telah membunuh seorang Melayu dan mencederakan dua orang lagi di Kerdau, Pahang dan kebetulan pula tempat ini termasuk di dalam kawasan pilihanraya saya. Apa yang menghairankan saya, Ahli DAP dari Kepong itu tidak mengutuk keganasan komunis ini tetapi sebaliknya Ahli DAP itu telah menyalahkan Kerajaan kerana tidak menjaga keselamatan rakyat. Adalah tidak menasabah kita meletakkan seluruh tugas keselamatan di bahu Kerajaan semata-mata dan juga tidak menasabah ditugaskan anggota Polis ini setiap masa mengekori ke mana sahaja rakyat pergi untuk menjaga keselamatan mereka. Kejadian ini sebenarnya berlaku di satu kawasan kebun getah yang terang yang berhampiran sangat dengan kawasan penempatan. Ini membuktikan bahawa memang ada musuh di dalam selimut dan memang ada segolongan rakyat di negara ini yang tidak taatsetia dan menyokong perjuangan komunis yang sentiasa menggugat keselamatan negara. Itulah sebabnya pada pandangan saya Akta

Keselamatan Dalam Negeri (ISA) perlu ada untuk melindungi rakyat di negara ini yang tidak berdosa seperti yang berlaku di Kerduau itu. Tetapi sebaliknya kita ada mendengar Ahli-ahli DAP yang menentang ISA ini dan merasa tidak senang dengan ISA ini. Ini bermakna mereka tidak mencintai negara ini dan hanya bercakap untuk mendapat publisiti dan pengaruh sahaja.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Menteri berkenaan menjawab.

4.25 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberi jawapan kepada teguran-teguran yang telah ditimbulkan bersabit dengan perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perdana Menteri dalam perbincangan Jawatankuasa berhubung dengan Belanjawan bagi jabatan ini untuk tahun 1983.

Sebanyak dua hari sehinggalah hari ini seramai 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dan kalaulah saya hendak menjawab satu persatu perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu maka ini akan mengambil masa yang sangat panjang. Yang keduanya ada pula perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat merupakan perkara-perkara yang terlalu khusus yang berhubung dengan kawasan-kawasan yang diwakilinya dan maklumat-maklumat untuk memberi jawapan yang tepat kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu tidak ada pada saya. Walau bagaimanapun, sukalah saya memberi pengakuan bahawasanya perkara-perkara yang ditimbulkan itu walaupun khusus berhubung dengan kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat ia

akan diberi perhatian dan tindakan-tindakan sewajarnya bagi mengatasi apa-apa masalah yang tersebut itu akan diambil.

Dari perbincangan yang berlaku sepanjang perbincangan mengenai Jabatan Perdana Menteri, ada beberapa perkara besar yang telah dibangkitkan boleh kata oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu yang pertama yang berhubung dengan pentadbiran; yang kedua berhubung dengan dengan Parlimen; yang ketiga yang berhubung dengan Uagama Islam; yang keempat berhubung dengan pilihanraya; yang kelima berhubung dengan Perpaduan Negara; yang keenam berhubung dengan pemodenan pentadbiran dan yang ketujuh yang berhubung dengan peranan Jabatan Kehakiman kita. Inilah perkara-perkara besar yang telah ditimbulkan bukan sahaja oleh seorang, dua atau tiga bahkan ramai juga daripada 16 orang yang telah bercakap atas tajuk ini.

Dengan izin, Tuan Pengerusi, sukalah saya memberi jawapan kepada perkara-perkara seperti itu secara menyeluruh dengan harapan supaya daripada jawapan itu Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat mengesan dari manakah jawapan yang diberikan itu telah menepati soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertama berhubung dengan pentadbiran. Adalah sangat mengembirakan dan merangsangkan saya kerana perkara pentadbiran ini menjadi satu perkara yang diminati oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana perkara pentadbiran ini ada hubungannya dengan kecekapan Kerajaan kita melaksanakan pembangunannya untuk rakyat dan untuk kemakmuran negara kita ini.

Sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawasanya dalam hal untuk memperbaiki prestasi

perkhidmatan awam atau untuk memperbaiki lagi jentera pentadbiran negara kita ini supaya urusan-urusan Kerajaan dapat dijalankan dengan kemas, licin teratur dan pegawai-pegawai yang menjalankan kerja itu adalah pegawai yang bertanggungjawab, yang bersih dan amanah maka sebuah jawatankuasa khas telahpun dibentuk oleh Kerajaan yang saya ditugaskan bagi memengeruskannya dan jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji segala aspek yang ada hubungan dengan pentadbiran awam dengan tujuan untuk meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan awam iaitu dengan cara umpamanya memastikan supaya kemudahan-kemudahan yang secukupnya terdapat di pejabat-pejabat Kerajaan dan ini sudah semestinya termasuk Pejabat-pejabat Daerah sepertimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut tadi dan juga pejabat-pejabat Kerajaan yang lain yang perlu diperbaiki dari segi kemudahan-kemudahannya dan di mana difikirkan sesuai dengan tugas dan volume of work, dengan izin, Tuan Pengerusi maka sistem-sistem baru yang menggunakan komputer akan digunakan. Itu dari segi kemudahan.

(Timbalan Yang Dipertua  
*mempengeruskan Jawatankuasa*)

Yang keduanya adalah diakui bahawasanya jentera pentadbiran itu akan berjalan dengan baik dan licin jika sekiranya mereka yang dipertanggungjawabkan bagi menggerakkan jentera pentadbiran itu adalah mereka yang terdiri daripada orang-orang yang mendapat latihan sama ada latihan itu latihan sambil bekerja ataupun latihan tambahan yang boleh didapati dari Instituti-institusi Tadbiran Awam Negara ataupun dari universiti-universiti dan yang ketiganya adalah perlu bagi kerjaya dan cara bekerja pegawai-pegawai itu diperbaiki kerana ini

adalah penting dari segi membina semangat dan motivation bagi mereka ini untuk bekerja dengan tekun bagi melaksanakan segala tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dan yang keempat sistem-sistem yang menjadi panduan untuk mereka ikuti dalam melaksanakan tugas bekerja itu pun perlu juga diperbaiki seperti sistem pentadbiran kewangan.

Jadi, dalam hal ini sukalah saya menyatakan bahawa seperti yang telah saya sebutkan semasa menggulung perbahasan di peringkat dasar belanjawan kita, telah saya katakan bahawa untuk pegawai-pegawai kita sistem kenaikan pangkat itu akan diperbaiki supaya mereka nanti akan mempunyai kerjaya yang terjamin bagi mereka dan bagi mereka yang benar-benar mempunyai kemampuan, kebolehan yang terbukti maka peluang-peluang untuk kenaikan pangkat itu akan sedia wujud untuk mereka.

Di samping itu juga pada waktu ini kita melihat bahawa pentadbiran kewangan Kerajaan adalah masih lemah oleh sebab itulah maka telah jelas kepada kita bahawasanya begitu banyak teguran-teguran audit yang telah pun menjadi bacaan umum sebagaimana yang disiarkan di akhbar-akhbar dan ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara yang berhubung dengan audit ini dan kita pun tahu bahawasanya masih terdapat kejadian di mana hasil-hasil yang sepatutnya dipungut telah ketinggalan tidak dipungut sampai begitu banyak wang yang sepatutnya telah dapat dipungut itu masih tertinggal begitu sahaja. Ini adalah menyebabkan kelemahan yang ada pada pentadbiran kewangan itu dan Kerajaan memang mengakui adanya kelemahan itu maka oleh sebab itu pentadbiran kewangan perlu diperbaiki dan satu daripadanya yang kami anggap sebagai satu cara yang

boleh memperbaiki pentadbiran kewangan kita ialah mengadakan satu perkhidmatan yang khusus untuk pegawai-pegawai yang terlibat dalam pentadbiran kewangan daripada peringkat kerani sampailah ke peringkat akauntan.

Dalam keadaan sekarang ini kerja-kerja perkeranian umpamanya yang berhubung dengan kewangan adalah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Kerani Am biasa yang tidak mempunyai pengetahuan ataupun ilmu yang khusus yang berhubung dengan perakaunan ataupun oditan. Jadi apabila perkhidmatan akaun ini diadakan maka pegawai-pegawai yang diambil berkhidmat dalam perkhidmatan ini adalah mereka yang akan mempunyai kelayakan-kelayakan yang khusus berhubung dengan akaun, mereka yang akan diberi latihan dalam bidang ini supaya dengan pengkhususan tugas maka mereka akan mempunyai pengalaman yang sesuai bagi membolehkan mereka menjalankan kerja-kerja pentadbiran kewangan dengan lebih cekap lagi.

Saya percaya apabila perkhidmatan ini diwujudkan dan pengkhususan tugas dalam bidang pentadbiran kewangan itu juga diwujudkan dalam pentadbiran Kerajaan maka perkara-perkara yang ada hubungan dengan kelemahan-kelemahan sebagaimana yang ditegur oleh Ketua Odit Negara akan dapat diatasi.

Seperkara lagi yang berhubung dengan pentadbiran Pejabat Daerah ataupun yang khusus berhubung dengan peranan MAMPU. MAMPU adalah menjadi sekretariat kepada Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Perkhidmatan Awam ini dan dengan itu sudah semestinya segala usaha, segala tugas-tugas dan perancangan yang dijalankan oleh MAMPU pada masa sekarang ini adalah menumpu kepada memberi bantuan kepada jawatankuasa ini bagi melaksanakan

langkah-langkah yang difikirkan perlu untuk memperbaiki perkhidmatan awam kita.

Adalah diakui, Kerajaan memang mengakui atas kebenaran yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut tadi bahawasanya pentadbiran daerah itu adalah berupa pentadbiran yang sangat penting kerana peringkat itulah banyak pelaksanaan projek-projek Kerajaan yang berlaku.

Berhubung dengan Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah seperti yang telah dibangkitkan itu memang saya mengakui bahawa ahli-ahli yang menghadiri mesyuarat Majlis Tindakan Daerah itu memang ramai tetapi ini adalah disebabkan bahawasanya kita mahu menjadikan mesyuarat-mesyuarat Majlis Tindakan Daerah itu sebagai suatu mesyuarat yang boleh menyelesaikan masalah-masalah yang banyak pada peringkat pelaksanaan dan bila ini menjadi matlamatnya maka tentulah semua jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat dengan pelaksanaan projek-projek pada peringkat daerah itu mesti turut hadir kerana kita ingin mendapat penyelesaian dalam mesyuarat itu juga. Dan untuk mengelakkan daripada terpaksa menghabiskan masa dan menggunakan masa yang banyak dengan surat-menyurat dan ini tentulah kita mengakui bahawa penyelarasan melalui surat-menyurat ini adalah merupakan satu kesulitan dan menyelaraskan melalui mesyuarat seperti yang terdapat pada masa sekarang ini dalam bentuk Mesyuarat Tindakan Daerah itu adalah satu cara yang saya fikir lebih berkesan.

Selain daripada perkara yang telah saya sebutkan berhubung dengan pentadbiran ada juga perkara-perkara yang khusus yang telah ditimbulkan terutama oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang berkehendakkan penjelasan yang tepat berhubung

dengan beberapa perkara yang telah dibangkitkan iaitu yang berhubung dengan peruntukan-peruntukan PK 41 yang terdapat pada Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, sukalah saya menyatakan bahawa wang yang begitu banyak telah diperuntukkan oleh sebab peruntukan ini adalah dijadikan peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai tujuan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan termasuk projek-projek sosial dan keagamaan, projek-projek yang didapati mendesak bagi kepentingan rakyat yang tidak dapat dijangkakan pada waktu peruntukan dibuat.

Dan juga peruntukan ini digunakan untuk memberi bantuan kepada negara-negara membangun jika difikirkan perlu yang mengalami bencana alam, umpamanya seperti pemberian yang biasa dibuat kepada negara Mali yang menghadapi kemarau yang mengancam kehidupan di negara itu dan juga untuk memberi bantuan kepada badan-badan sukarela sama ada di dalam atau di luar negeri dan antara badan-badan sukarela yang menerima bantuan yang agak banyak daripada peruntukan ini ialah Persatuan Palang Merah.

Juga Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui bagaimanakah peruntukan yang begitu banyak sebanyak \$358.7 juta telah diperuntukkan untuk Latihan dan untuk apakah wang begitu banyak dan Yang Berhormat ingin mendapat butir-butir lanjut. Maka sukalah saya menyatakan bahawa dari peruntukan sebanyak itu \$11.9 juta adalah diuntukkan bagi Rancangan Latihan di bawah dasar pandang ke Timur, \$16.7 juta adalah untuk Latihan dalam perkhidmatan di luar negeri, \$8.3 juta untuk di dalam negeri, \$116.4 juta adalah untuk Latihan bagi pra

perkhidmatan di luar negeri dan \$19.6 juta adalah Latihan untuk pra perkhidmatan dalam negeri.

Latihan-latihan yang memerlukan perbelanjaan yang begitu banyak adalah melibatkan ramai pelajar-pelajar, umpamanya, bagi Latihan pra perkhidmatan luar negeri sahaja kita membelanjakan wang sebanyak yang saya sebutkan tadi untuk melatih 4,450 orang, dan bagi dalam negeri adalah digunakan untuk melatih 6,264 orang. Sebabnya juga mengapa perbelanjaan peruntukan sebegini besar disediakan ialah pada masa sekarang ini oleh sebab tekanan inflasi maka perbelanjaan bagi pelajar-pelajar kita di luar negeri telah meningkat dan ada juga di tempat-tempat di mana perbelanjaan untuk tuition fee juga telah meningkat. Jadi, saya harap keterangan yang diberikan itu adalah jelas dan kalau ingin mendapat maklumat lanjut bolehlah kemudian nanti saya berikan.

Satu perkara lagi yang menjadi tajuk besar yang telah disentuh boleh kata oleh ramai bilangan besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan adalah yang berhubung perpaduan negara.

Sebenarnya perkara perpaduan negara ini ataupun matlamat perpaduan negara ini masih tetap menjadi matlamat utama negara kita. Matlamat perpaduan negara ini dijadikan asas segala perancangan pembangunan negara kita yang kita buat sekarang ini. Walaupun Jabatan Perpaduan Negara itu tidak sebesar seperti yang diharapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ini tidak sekali-kali bermakna bahawa senya perpaduan negara telah dianggap bukan priority, tidak sekali-kali bermakna begitu tetapi matlamat perpaduan negara itu adalah menjadi matlamat kepada semua perancangan yang dijalankan

oleh semua Kementerian dan semua projek-projek di bawah pembangunan negara kita.

Jabatan atau Lembaga Perpaduan Negara yang ada pada masa sekarang ini masih terus juga dengan kegiatan-kegiatan memupuk perpaduan. Banyak rancangan-rancangan yang masih dijalankan oleh Lembaga Perpaduan ini. Kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan yang berorientasi menyelesaikan perkara-perkara yang menimbulkan pertelingkahan antara kaum adalah juga menjadi matlamat kajian-kajian ataupun penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan oleh Lembaga Perpaduan Negara. Lembaga Perpaduan terus mengumpulkan petunjuk-petunjuk yang berhubung dengan perhubungan kaum di negara kita dan Lembaga Perpaduan Negara akan terus mengeluarkan buku-buku, majalah-majalah, mukalah-mukalah yang dapat membimbing rakyat kita untuk memahami adat resam berbilang kaum yang ada di negara kita ini supaya dengan adanya fahaman itu maka kita akan dapat menjamin yang perpaduan negara kita itu akan dapat kita wujudkan. Di samping itu kegiatan-kegiatan biasa yang melibatkan penyertaan-penyertaan anak-anak muda daripada berbagai kaum sama ada dalam bentuk kemah kerja, sama ada dalam bentuk dailog-dailog, sama ada dalam bentuk menghadiri syarahan-syarahan perpaduan, ini masih terus dijalankan sebagai usaha yang saya fikir adalah khusus yang patut dijalankan oleh sebuah agensi seperti Lembaga Perpaduan Negara. Jadi, untuk mengatakan bahawa sanya Lembaga Perpaduan Negara sekarang ini kurang menjalankan kerja yang berhubung dengan perpaduan negara adalah tidak tepat sama sekali.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menekankan betapa penting perpaduan negara ini dan

beliau juga telah menghuraikan dengan agak panjang lebar perkara yang berhubung dengan lantikan Pengerusi Lembaga yang baharu ini tetapi setelah saya meneliti apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini maka teringatlah saya kepada pepatah Melayu yang berbunyi:

Ketok dulang, paku serpih, kata orang, aku yang lebih.

Jadi dalam hal ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya akan dapat menerima pengakuan bahawa sanya perkara perpaduan negara ini adalah begitu penting kepada Kerajaan kita. Tetapi untuk mencapai perpaduan negara ini ia bukanlah hanya menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Ia menjadi tanggungjawab setiap warganegara kita.

Kalau kita menjadikan perpaduan negara itu matlamat kita dan sanggup mengenyepikan perkara-perkara yang berbau perkauman, perkara-perkara yang mempunyai unsur-unsur chauvinisma, maka saya percaya matlamat kita untuk mewujudkan perpaduan negara itu akan lebih terjamin.

Perkara yang berhubung dengan kegiatan Biro Siasatan Negara juga telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Kerajaan telah berulang kali menegaskan bahawa sanya Kerajaan akan membentaras rasuah. Saya semasa menggulung perbahasan Belanjawan pada peringkat dasar untuk Jabatan Perdana Menteri telah saya tegaskan bahawa sanya dalam usaha membentaras rasuah Kerajaan tidak memilih bulu. Tetapi apa yang patut difahamkan ialah walaupun menjadi matlamat Badan Pecehah Rasuah itu untuk membentaras rasuah di mana sahaja ia didapati, penyelidikan-penyelidikan yang

rapi perlu dijalankan ke atas siapa sahaja yang disyaki terlibat dengan rasuah, kerana kita mesti memastikan bahawa sanya dalam usaha kita membenters rasuah itu tidak berlaku ketidakadilan atau tidak berlaku di mana pihak-pihak yang tertentu teraniaya dengan tuduhan-tuduhan yang bukan-bukan daripada pihak-pihak tertentu yang mendorong Badan Pencegah Rasuah itu untuk menjalankan penyelidikan, kerana kita sangat tahu bahawa sanya bagi siapa sahaja yang telah disabitkan kesalahan berhubungan dengan rasuah maka masa depannya itu adalah gelap baginya. Jadi kalaulah kita terpaksa mengambil masa, maka saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat faham, kerana ini adalah perlu untuk memastikan bahawasanya maklumat-maklumat yang didapati itu adalah betul yang boleh mensabitkan seseorang yang disyaki rasuah itu sebagai orang yang benar-benar rasuah.

Dalam hal ini, suka saya menyatakan rasa sangat-sangat kesal apabila Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan satu perkara yang berhubungan dengan apa yang dikatakan rasuah bentuk baru dalam mana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengatakan bahawa dia diberitahu bahawa ada kontraktor-kontraktor yang menjalankan projek-projek yang berjuta-juta ringgit mesti membuat "contribution politik" kepada parti UMNO.

Saya suka menegaskan di sini bahawa sanya pertimbangan Kerajaan untuk memilih mana-mana satu kontraktor bagi melaksanakan projek-projek yang tertentu tidak sekali-kali diasaskan kepada kepentingan politik dalam ertikata kepentingan politik parti-tidak sekali-kali disandarkan sama ada pihak kontraktor itu perlu ataupun mampu atau tidak mampu membuat 'contribution' kepada parti.

Ini saya tegaskan supaya Ahli Yang Berhormat dapat faham tetapi jika sekiranya Ahli Yang Berhormat ada maklumat-maklumat yang tertentu yang berhubungan dengan perkara ini, sukacitalah saya jika sekiranya maklumat-maklumat itu dapat disampaikan, kerana kita perlu mengambil tindakan yang sewajarnya jika sekiranya ini berlaku.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat berhubungan dengan perkara ini adalah terlalu serius kerana ia memangnya ada hubungan dengan suasana pelaburan di negara kita ini. Kita begitu sekali gigih berusaha untuk menjemput, menggalakkan pelabur-pelabur dari luar negeri lebih ramai datang melabur di negara kita dan jika sekiranya ada tuduhan seumpama ini maka tuduhan ini tentu sekali menggemparkan bakal-bakal pelabur kita itu. Dan kepada saya tuduhan seumpama ini adalah terlalu liar, jika sekiranya ia tidak disokong dengan maklumat-maklumat yang tertentu.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat juga menimbulkan perkara-perkara yang berhubungan dengan Pentadbiran Ugama Islam terutamanya yang berhubungan dengan bekalan makanan halal yang boleh didapati di hotel-hotel dan restoran ataupun makanan-makanan haram yang tak patut dibekalkan di tempat-tempat yang tertentu di mana orang Islam pergi. Suka saya menyatakan bahawa sanya tentang perkara ini, pada 4hb November yang lalu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberi jawapan yang agak panjang lebar sama ada semasa menjawab soalan asal, memberikan jawapan kepada soalan yang telah ditimbulkan dari jawapan yang soalan asal ataupun kepada soalan-soalan tambahan yang berikut. Jadi saya tidaklah bercadang hendak memberi apa-apa maklumat tambahan dalam perkara ini, hanya sukalah saya menyatakan bahawa di Bahagian

Pentadbiran Ugama Islam, Jabatan Perdana Menteri ada sebuah Jawatankuasa yang ditugaskan khusus bagi mengkaji perkara ini dan di mana perlu undang-undang akan diwujudkan bagi seluruh negara supaya perkara ini dapat dikawal dengan rapinya.

Berhubung dengan pilihanraya, sukalah saya memaklumkan bahawa rombongan Suruhanjaya Pilihanraya telah membuat lawatan ke New Zealand pada 23hb November, 1981 untuk mengkaji sistem pendaftaran pemilih di negara tersebut. Sistem pendaftaran pemilih di New Zealand adalah berbeza dengan sistem pendaftaran pemilih di Malaysia. Di New Zealand adalah mengamalkan sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun, manakala Malaysia mengamalkan sistem pendaftaran pemilih yang dijalankan sekali setahun dalam tempoh antara 21-42 hari. Dalam masa tempoh lawatan itu, rombongan Suruhanjaya juga berpeluang menyaksikan perjalanan pilihanraya umum di negeri itu. Laporan lawatan tersebut telahpun disediakan dan pada keseluruhannya lawatan ke New Zealand itu bolehlah dianggap sebagai 'berjaya'.

Berhubung dengan perkara berkaitan dengan sempadan kawasan pilihanraya ataupun menentukan sempadan kawasan pilihanraya, Suruhanjaya Pilihanraya akan mengkaji semula semua Bahagian Pilihanraya termasuk Bahagian Pilihanraya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda. Di dalam pengkajian tersebut, Suruhanjaya Pilihanraya perlu mematuhi prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Bahagian Satu, Jadual Ketiga belas Perlembagaan Malaysia. Di antara yang diambil kira dalam pengkajian itu ialah jumlah pemilih, kemudahan-kemudahan yang menyenangkan pemilih-pemilih

membuang undi, kemudahan-kemudahan komunikasi dan perhubungan, kemudahan-kemudahan pentadbiran serta soal memelihara perhubungan tempat. Ini adalah prinsip-prinsip yang akan diambil kira dalam menentukan kawasan-kawasan baru pilihanraya. Memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk memperbaiki lagi jentera Suruhanjaya Pilihanraya ini supaya apabila pilihanraya dilaksanakan tidak ada perkara-perkara yang tidak menyenangkan akan timbul pada masa itu.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bacok bahawa setiap kali pilihanraya hendak diadakan, pegawai-pegawai yang terlibat adalah diberi taklimat yang terperinci. Berhubung dengan cara-cara tentang bagaimanakah mereka mesti melaksanakan tugas semasa pilihanraya itu berjalan, pihak Suruhanjaya Pilihanraya berpuas hati bahawa dari taklimat yang telah diberikan itu pegawai-pegawai yang terlibat adalah faham benar tentang apakah tugas-tugas yang mesti mereka laksanakan semasa pilihanraya itu berjalan, tetapi jika sekiranya masih berlaku perkara-perkara yang berupa kesilapan di sana sini maka adalah menjadi tanggungjawab pihak Suruhanjaya Pilihanraya untuk memperbetulkannya.

Saya suka juga menegaskan di sini bahawa sanya pegawai-pegawai yang dipilih untuk berkhidmat dengan Suruhanjaya Pilihanraya pada waktu pilihanraya diadakan tidaklah sekali-kali diasaskan kepada pendirian politik pegawai-pegawai itu dan jauh sekali dipilih berasaskan ia sebagai ahli kepada mana-mana parti politik. Adalah menjadi tanggungjawab dan usaha Kerajaan untuk memastikan bahawasanya pilihanraya yang berjalan sama ada pilihanraya umum atau pilihanraya kecil adalah berjalan dengan baik untuk memastikan keadilan bagi rakyat sekalian.

Ada satu perkara yang khusus yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marudu iaitu yang berhubung dengan integrasi nasional dan peranan Kerajaan Pusat. Semasa membincangkan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri, Ahli Yang Berhormat telah menggesa supaya peluang-peluang untuk mendapat latihan dalam perkhidmatan juga diberikan kepada pegawai-pegawai daripada Sabah. Saya suka menyatakan di sini bahawasanya peluang-peluang untuk mendapat latihan memang terbuka kepada pegawai-pegawai dari Sabah jika sekiranya mereka itu mempunyai kelayakan. Tetapi dari rekod yang ada di Jabatan Perkhidmatan Awam, nampaknya pegawai-pegawai daripada Sabah lebih suka untuk menerima tawaran biasiswa daripada Yayasan Sabah. Walau bagaimanapun, walaupun begitu pilihan setengah pegawai, tetapi Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam akan tetap terus membuka peluang bagi mempertimbangkan pemohon-pemohon daripada pegawai-pegawai dari Sabah yang layak untuk mengikuti apa juga latihan-latihan yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Pusat.

Berhubung dengan penempatan pegawai-pegawai Perkhidmatan Sabah di luar negeri, sukalah saya menyatakan bahawasanya jawatan-jawatan yang ada di luar negeri adalah semua jawatan-jawatan Persekutuan dan oleh itu perkara penempatan pegawai-pegawai negeri tidaklah timbul dalam hal ini.

Perkara yang berhubung dengan Parlimen, Tuan Pengerusi, ini juga adalah menjadi tajuk yang diminati ramai oleh Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam bahasan. Sukalah saya menyatakan bahawa usaha sekarang ini sedang dijalankan bagi memperbaiki lagi Perkhidmatan Parlimen kita. Adalah jelas kepada kita semua bahawasanya penyediaan

*Hansard* telah sekarang ini dapat dibuat dalam masa yang dikehendaki dan ini adalah berupa satu improvement, dengan izin, Tuan Pengerusi, kepada khidmat yang diberi oleh Parlimen kepada Dewan Rakyat dan sepatutnya ini mendapat penghargaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi semasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menimbulkan perkara ini, saya tidak dengar yang ianya memberi penghargaan kepada perkara ini yang dahulunya saya tahu juga menjadi gesaan Ahli Yang Berhormat juga supaya disediakan *Hansard* lebih awal kerana pada masa dahulu *Handard* disediakan terlalu lewat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Beri atau tidak, Yang Berhormat?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa *Hansard* yang diprinted masih 2-3 tahun di belakang, adakah ini akan diperbaiki?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Pengerusi, saya kata saya menyedari kelemahan-kelemahan yang ada, tetapi apa yang dibaiki itu juga patut mendapat penghargaan, tetapi kalau sekiranya hanya disentuh tentang kelemahan dan yang sudah diperbaiki itu pula tidak mendapat penghargaan, inilah yang saya kata nampaknya kurang adil sikap kita dalam hal ini.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu menilaikan penghargaan saya bahawa hari-hari kita boleh mendapat *Hansard*

selepas mesyuarat. Sungguhpun dalam Session ini ada kalanya berlaku tidaklah ditunaikan, tetapi inilah usaha yang kita hargai, yang kita memuji pihak Parlimen dan diharap di lain-lain bidangpun boleh diperbaiki.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kalau begitu, terima kasih.

Berhubung dengan khidmat yang lain yang berkaitan dengan Parlimen ini, kita harap akan dapat memperlihatkan improvement, dengan izin, Tuan Pengerusi, dari semasa ke semasa supaya akan jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kita sama ada dari parti pemerintah ataupun dari parti Pembangkang.

Perkara yang berhubung dengan Jabatan Hakim Negara, saya menerima baik gesaan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau supaya jentera di Jabatan Kehakiman itu diperbaiki untuk memastikan supaya kes-kes yang begitu banyak yang terbengkalai sekarang ini akan dapat diselesaikan secepat mungkin untuk memastikan bahawasanya keadilan akan tercapai. Cadangan Ahli Yang Berhormat dalam hal ini adalah sangat baik dan akan diberi pertimbangan.

Dalam hal sistem kehakiman negara kita ini, sukalah saya menyatakan bahawasanya kita perlu mewujudkan satu sistem kehakiman yang melambangkan identiti kita dan sistem yang ada sekarang ini adalah sistem kita dan yang terbukti menjamin keadilan. Jadi cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong supaya sistem Privy Council itu dikekalkan, pada fikiran saya adalah tidak melambangkan satu hasrat mewujudkan satu sistem keadilan yang kita dokong yang benar-benar menjamin keadilan dan dalam sistem yang ada sekarang ini kita berpuas hati bahawasanya keadilan itu adalah sebenarnya wujud. Tentang perkara ini banyak juga Ahli Yang Berhormat dari parti pemerintah yang telah memberi

pandangan-pandangan untuk menegakkan sistem keadilan yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, itulah jawapan saya yang saya berikan secara umum kepada banyak perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya harap jawapan yang saya beri secara umum itu secara langsung atau tidak akan dapat menjawab perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di mana ada cadangan-cadangan yang baik yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memberi pertimbangan kepadanya dan di mana perlu dan sesuai ia akan dilaksanakan bagi meninggikan lagi prestasi khidmat Kerajaan untuk rakyat dan negara.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$16,690,400 untuk Maksud B.1; \$300,000 untuk Maksud B.2; \$20,993,700 untuk Maksud B.3; \$8,740,000 untuk Maksud B.4; \$6,332,900 untuk Maksud B.5; \$2,426,500 untuk Maksud B.6; \$257,506,400 untuk Maksud B.7; \$421,625,700 untuk Maksud B.8; \$25,000,000 untuk Maksud B.9; \$34,987,500 untuk Maksud B.10; \$12,055,500 untuk Maksud B.11; \$3,534,200 untuk Maksud B.12; \$2,689,700 untuk Maksud B.13; dan \$15,167,000 untuk Maksud B.14 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,690,400 untuk Maksud B.1; \$300,000 untuk Maksud B.2; \$20,993,700 untuk Maksud B.3; \$8,740,700 untuk Maksud B.4; \$6,332,900 untuk Maksud B.5; \$2,426,500 untuk Maksud B.6; \$257,506,400 untuk Maksud B.7; \$421,625,700 untuk Maksud B.8; \$25,000,000 untuk Maksud B.9;

\$34,987,500 untuk Maksud B.10; \$12,055,500 untuk Maksud B.11; \$3,534,200 untuk Maksud B.12; \$2,689,700 untuk Maksud B.13; dan \$15,167,000 untuk Maksud B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$65,347,436 yang disebutkan dalam Maksud P.7; \$30,900,700 untuk Maksud P.8 dan \$7,989,300 untuk Maksud P.9 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$65,347,436 untuk Maksud P.7; \$30,900,700 untuk Maksud P.8 dan \$7,989,300 untuk Maksud P.9 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

*Maksud B.15, B.16 dan B.17 (Jadual)—*

*Maksud P.15 dan P.17 (Anggaran Pembangunan, 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.15 hingga B.17 dan Kepala Pembangunan P.15 dan P.17 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berjumlah besarnya sebanyak \$625,798,140 terbuka untuk dibahas. Kuala Lumpur Bandar.

5.11 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, yang pertama suka saya merujuk kepada muka surat 111 di bawah Kepala B. 15, Bekalan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya suka berucap atas perkara di bawah Butiran (Kod) 1100, Program 2(b) Penyelarasan dan Pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara pelaksanaan dan penyelarasan yang berkait tentang perumahan awam kos rendah, izinkan saya menyatakan di sini bagaimana pentingnya bagi Kerajaan memastikan satu sistem penyerahan yang cekap supaya projek-projek perumahan boleh dilaksanakan menurut jadualnya bagi mencapai matlamat di bawah rancangan-rancangan perumahan Kerajaan. Nampak saya salah satu masalah yang sentiasa dihadapi oleh Kementerian yang berkenaan pada masa-masa lalu ialah mengenai kemampuan pelaksanaan dan akibatnya terdapat banyak kekurangan yang berlaku dan matlamat yang digaris tidak dapat dicapai bagi menampung keperluan mereka yang tidak mempunyai rumah, terutamanya di dalam kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan juga termasuk bandar-bandar yang lain.

Sebagai satu contoh, Tuan Pengerusi, adalah tepat dinyatakan di sini bahawa pada tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat berakhir pada bulan Jun, 1982 daripada anggaran rancangan pembinaan sebanyak 79,714 unit rumah, sektor awam hanya mencapai 69% sahaja dan mengalami kekurangan sebanyak 31%, sementara sektor swasta daripada matlamat pembinaan tahunan berjumlah 104,950 unit hanya 59,688 unit rumah atau 57% yang dapat dibina, iaitu mengalami kekurangan sebanyak 43%.

Dalam aspek perumahan kos rendah prestasi adalah lebih membimbangkan. Dalam sektor awam daripada 35,200 unit rumah dijangka siap dalam setahun hanya 24,133 unit atau 68% telah disiapkan, iaitu kekurangan sebanyak 32%. Dan di pihak swasta pula daripada 18,000 unit setahun dijangka dapat disiapkan, hanya 8,566 unit atau 47% sahaja telah disiapkan, iaitu kekurangan sebanyak 53%. Dan 32,699 unit rumah kos rendah yang dapat dibina oleh kedua-dua sektor

awam dan swasta hanya merupakan 12.3% sahaja daripada matlamat 266,500 unit yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada angka-angka yang saya berikan tadi adalah penting bagi Kerajaan mengambil langkah melicinkan jentera pembinaan perumahan dan meningkatkan lagi kemampuan pelaksanaan. Salah satu masalah yang sangat serius yang seharusnya diteliti ialah anika agensi yang terlibat dalam bidang perumahan. Dalam negara kita perumahan ialah sebahagian tanggungjawab peringkat Federal, malah tanggungjawab khususnya Pihakberkuasa Negeri-negeri dan Tempatan dan penglibatan dalam perkara ini memerlukan banyak agensi-agensi. Oleh kerana tanah ialah hak Negeri seperti termaktub di dalam Perlembagaan, maka perumahan ialah satu tanggungjawab Kerajaan Negeri, akan tetapi penyediaan perkhidmatan dan kemudahan untuk sesebuah skim perumahan menjadikan perlu bagi Pihakberkuasa Tempatan memainkan peranan masing-masing. Yang utama sekali perumahan di peringkat kebangsaan ialah tanggungjawab Kerajaan Federal dan melibatkan lebih dari sebuah Kementerian.

Boleh saya katakan di sini satu contoh, misalnya, pada peringkat sektor awam JKR, UDA dan Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan yang terletak di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, di bawah Kementerian Perusahaan Awam dan di bawah Kementerian Kewangan adalah semua badan yang terlibat di dalam bidang perumahan. Jika dipandang secara keseluruhan adalah baik dan senang terdapat banyak Kementerian dan agensi awam, baik di peringkat Federal atau Negeri yang menyertai di dalam industri perumahan. Semuanya tanpa diragui bergerak daripada punca tenaga kerja,

kewangan, teknik yang terhad dan sebagainya. Nampaknya ini sesuatu yang baik bahawa sedikit pergabungan diperlukan dalam hal ini kerana Pihakberkuasa yang terjamin kedudukan kewangannya dan cukup dengan kakitangan boleh mencapai matlamat yang sama dan berupaya menyediakan unit-unit rumah yang dikehendaki untuk rakyat dengan lebih berkesan dan cekap.

Maka dengan pandangan ini saya suka menggesa Kerajaan supaya dapat membentuk sebuah Majlis Perumahan Negara yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalannya dan dianggotai oleh Menteri-menteri dari berbagai Kementerian yang terlibat dengan perumahan, Menteri Besar dan Ketua Menteri dan lain-lain pihak yang dirasakan perlu bagi meneliti semua aspek industri perumahan.

Sungguhpun saya sedar bahawa Kementerian sudah ada satu Majlis Perumahan akan tetapi nampak saya tentang anggota-anggotanya ataupun tentang komposisinya, Majlis yang telah ditubuhkan oleh pihak Kementerian adalah sangat berbeza dengan Majlis yang disyorkan oleh saya, oleh kerana saya rasa bahawa cadangan saya tentang komposisi Majlis Perumahan Negara adalah lebih sesuai dan wajar untuk meneliti tentang masalah perumahan di negara kita dan dapat merumuskan satu strategi yang lebih positif dalam mengatasi segala masalah tentang perumahan di negara kita.

Majlis hendaklah bertanggungjawab seperti saya katakan tadi, untuk merumus dasar dan rancangan perumahan negara dan hendaklah melalui apa jua Kementerian atau agensi yang digariskan oleh Kerajaan bertanggungjawab untuk masalah penyelarasan, pelaksanaan dan mengawal semua kegiatan perumahan dalam sektor awam dan swasta. Sistem

sekarang yang melibatkan terlalu banyak Kementerian, Jabatan dan agensi ialah satu sebab rumah-rumah kurang dibina industri perumahan. Makin cepat Majlis ini dapat ditubuhkan maka semakin hampir kita akan mengatasi berbagai masalah kita mengenai bidang ini.

Selanjutnya untuk memastikan prestasi yang lebih baik dari setiap negeri dalam bidang perumahan, saya suka mencadangkan bahawa setiap negeri hendaklah mempunyai Suruhanjaya Perumahan Negeri atau Lembaga Perumahan Negeri yang bertujuan mengesan, menyelaras, melaksana, mengurus, membina dan menjalankan semua dasar dan rancangan untuk perumahan di dalam negeri baik di dalam sektor awam ataupun sektor swasta sebagaimana yang boleh dirumuskan oleh Majlis Perumahan Negara.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka merujuk kepada Kepala.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada masa 3 minit sahaja lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tentang masalah pentadbiran, dukacita saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang kegiatan pemaju palsu di negara kita. Sungguhpun Kementerian mendakwa bahawa hanya 3 kes pemaju palsu yang dilaporkan kepada Kementerian untuk tahun 1980 dan 1981 dan bahawa untuk tempoh dari 1hb. Januari, 1982 hingga 30hb. September, 1982, tiada kes-kes baru dilaporkan, tetapi banyak lagi kes yang ada berlaku yang tidak dilaporkan kepada Kementerian.

Saya sebagai Wakil telahpun membawa mangsa-mangsa pemaju palsu kepada pihak Polis untuk membuat laporan dan ini dapat membuktikan bahawa masalah ini ialah satu masalah yang masih wujud dan saya rasa bahawa masa telah tiba

bagi pihak Kementerian yang berkenaan untuk mengambil langkah seperti untuk mengkaji semula tentang undang-undang yang sedia ada bagi tujuan untuk mengatasi kelemahan di dalam undang-undang dan untuk mengatasi masalah ini.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh ialah berkenaan dengan peruntukan rumah kos rendah kepada golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Sungguhpun saya sedar bahawa ada banyak skim-skim perumahan kos rendah yang akan dilaksanakan pada masa yang akan datang akan tetapi apa yang mustahaknya ialah bagi pihak Kerajaan untuk merumuskan satu sistem pembahagian atau sistem peruntukkan yang adil dan saksama untuk menentukan bahawa hanya mereka yang layak akan diperuntukkan rumah kos rendah, oleh sebab pada masa yang lalu ada banyak aduan-aduan yang sentiasa dilaporkan di dalam suratkhbar tentang bagaimana ada berlaku kes di mana orang yang layak tidak boleh mendapatkan rumah kos rendah tetapi orang yang tidak layak diperuntukkan rumah dan.....

**Tuan Pengerusi:** Banyak lagi?

**Tuan Lee Lam Thye:** Ada satu point lagi yang saya ingin menyentuh. Di samping hujah-hujah yang saya telah berikan, saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk menggesa pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan untuk mengkaji semula tentang peruntukan kepada si pemohon-si pemohon bukan bumiputra. Saya rasa bahawa di dalam bandar pihak Kerajaan patutlah melaksanakan satu dasar di mana peruntukan rumah kos rendah akan mencerminkan sebuah masyarakat yang berbilang bangsa dan juga dapat mencerminkan bahawa peruntukan rumah akan dibuat dengan cara di mana sekiranya satu golongan hendak memohon rumah maka pihak

yang berkuasa haruslah meninjau keadaan dan sekiranya golongan itu benar-benar memerlukan rumah maka ini akan dilaksanakan demi untuk kepentingan mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Padang Serai.

5.29 ptg.

**Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai):** Tuan Pengerusi, saya bangun kerana hendak menyentuh Maksud B. 17, Butiran 1100, Program (1) (2) (3) dan (4) iaitu Jabatan Perkhidmatan Bomba di muka surat 127.

Pada masa kebelakangan ini negara kita sering berlakunya kebakaran. Ini telah menyebabkan nyawa-nyawa terkorban dan harta-benda yang bernilai berjuta-juta ringgit itu hangus begitu sahaja. Kejadian sesuatu kebakaran kadangkala tidak dapat diselamatkan oleh Pasukan Bomba ini boleh jadi kerana jarak di antara Balai Bomba dan tempat kebakaran itu jauh. Keadaan seperti ini boleh diperbaiki sekiranya Pasukan Bomba sukarela digalakkan, sekurang-kurangnya Pasukan Bomba sukarela dapat memainkan peranan yang penting kepada sesuatu kebakaran sebelum Pasukan Bomba tiba. Saya tahu dalam tanahair kita ada banyak pasukan bomba sukarela, cuma di antaranya kebanyakan tidak dapat memainkan peranan yang penting oleh kerana mengalami serba kekurangan. Lebih-lebih lagi pasukan seperti ini susah mendapat bantuan yang tertentu daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba. Maka dengan ini saya mengesyorkan Jabatan Perkhidmatan Bomba harus menggalakkan penubuhan pasukan bomba sukarela dengan memberi bantuan seperti yang tersebut di bawah ini:

- (1) memberi latihan teknik kepada ahli-ahli pasukan bomba sukarela;

- (2) menginsurankan ahli-ahli pasukan bomba sukarela;
- (3) memberi uniform dan saguhati ketika menjalankan latihan;
- (4) membekalkan alatan pencegah kebakaran seperti kereta bomba, enjin dan lain-lain keperluan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh adalah berkenaan P. 15, Butiran 12 iaitu Rancangan-rancangan Perumahan Kampung Baru; Butiran 15 iaitu Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah dan Butiran 31 iaitu Kemajuan Perkampungan di muka 118 dan 119.

Tuan Pengerusi, mengikut data di muka 118 itu didapati jumlah anggaran harga projek bagi Rancangan-rancangan Perumahan Kampung Baru ialah \$8.1 juta. Tetapi anihnya perbelanjaan sebenar bagi tahun 1976 hingga 1980 tidak ada begitu juga bagi tahun 1981 dan 1982. Seperti mana yang dimaklumkan bahawa kampung-kampung baru diwujudkan pada zaman darurat iaitu kira-kira 30 tahun yang lampau. Sekarang bilangan setiap keluarga sudah bertambah, ada yang sudah berumahtangga. Mereka memerlukan rumah. Kenapa rancangan-rancangan perumahan kampung baru tidak dijalankan seperti yang dirancang.

Tuan Pengerusi, saya juga mahu menyentuh tentang Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Anggaran bagi tahun 1981-1985 ialah sebanyak \$955 juta, pada tahun 1981 sebanyak \$361 juta dan tahun 1982 sebanyak \$184.5 juta telah dibelanjakan. Anggaran bagi tahun depan ialah \$401.3 juta. Mengikut angka ini dengan ertikata pada tahun depan lebih banyak projek perumahan awam kos rendah akan diadakan. Maka dengan ini saya berharap negeri Kedah akan diberi peruntukan yang lebih banyak supaya rancangan seperti ini dapat dilaksanakan untuk

memenuhi kemahuan rakyat, khasnya rakyat yang tinggal di luar bandar. Saya mengesyorkan perkara ini adalah kerana pada ketika ini projek-projek perumahan awam kos rendah yang dijalankan di negeri Kedah itu masih berkurangan.

Tentang kemajuan perkampungan pula, saya rasa sedih sedikit kerana tahun depan cuma diberi anggaran perbelanjaan sebanyak \$5 juta sahaja. Sekiranya dibandingkan dengan tahun ini sebanyak \$8 juta dan tahun lalu hampir \$7 juta. Kekurangan ini mungkin kerana kemelesetan ekonomi negara. Sekiranya ini benar, saya rasa ini tidak adil bagi penduduk-penduduk yang tinggal di kampung, seperti yang kita tahu di kampung-kampung yang terletak jauh daripada bandar itu sudah mengalami serba kekurangan. Saya masih ingat pada 28hb lalu di Dewan ini saya mencadangkan supaya projek-projek yang menelan berjuta-juta ringgit itu dibekukan buat sementara waktu dan menggunakan peruntukan itu menjalankan projek-projek kecil di luar-luar bandar, misalnya, memberi bekalan air dan elektrik, mengtarkan jalan-jalan dan memberi sistem perparitan yang lebih sempurna. Sebenarnya, masih banyak kampung-kampung yang belum dapat kemudahan seperti saya sebutkan sebentar tadi, terutamanya di beberapa mukim dalam kawasan pilihanraya saya. Maka saya harap Kementerian berkenaan dapat mengambil ingatan tentang hal ini.

Akhirnya, saya akan sentuh juga berkenaan dengan Kerajaan Tempatan iaitu B. 15 Butiran 35-89, di muka 120, 121 dan 122. Baru-baru ini satu perkara yang controversial telah berlaku di dua tiga tempat iaitu berkenaan dengan tulisan di papan tanda. Seperti yang dimaklumkan kesemuanya papan tanda dalam Malaysia sudah ada tulisan Bahasa Malaysia dan kebanyakannya ditulis di tempat yang senang dibaca dan dilihat. Ini satu

tanda yang mendaulatkan Bahasa Malaysia. Akan tetapi, baru-baru ini Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kota Setar di Kedah telah mengarahkan tuan-tuan kedai membuat papan tanda baru dengan syarat  $\frac{3}{4}$  untuk tulisan Bahasa Malaysia dan  $\frac{1}{4}$  untuk tulisan bahasa lain. Ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat. Maka diharap Kementerian Kerajaan Tempatan dapat mengadakan satu formula supaya semua golongan boleh menerimanya. Sekianlah sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari SibU.

5.38 ptg.

**Tuan Ling Sie Ming (Bandar SibU):** *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I wish to touch on Head B. 15, Kod 1100, Gaji dan Upahan, Program 2(a) Public Low-cost Housing; 2(e)—Housing Loan Scheme and P. 15, page 118, Project 21 on.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, satu persatu, one by one.

**Tuan Ling Sie Ming:** One by one, okay! Tuan Pengerusi, compared with the 1982 Budget, the 1983 Budget allocation has been reduced by \$3,201 million especially in terms of Development of Expenditure. However, in the 1983 Budget, the allocation for Housing and Local Government has been increased by \$6.25 million from \$619.55 million in 1982 to \$625.8 million in 1983. From the 1983 Budget allocation, a total of \$544.5 million has been allotted for development out of which \$420 million has been allocated for housing especially public low-cost housing. A total of \$481 million will be loaned to State Governments and State Housing Authorities. We appreciate the large allocation made but we are concerned with the implementation capacity of the Government. The success or

otherwise of the Government housing scheme will depend greatly on the management and efficiency of the various Housing Authorities; grandiose housing plans on paper alone are not sufficient by themselves without proper and efficient implementation capacity, management and supervision.

The Government's definition of a low-cost house is very unsatisfactory as the definition varies from State Government to State Government and the people want to know what exactly does the Government mean by low-cost.

On the 17th October, 1982, the Chief Minister of Sarawak urged the housing developers to build more low-cost houses which should not exceed \$50,000 to meet the increase in demand for low-cost houses. If the standard price of a low-cost house is \$50,000, I believe that the majority of the people in Sarawak would not be able to buy a low-cost house even if they obtain 100% loan from the Government or from the banks. I suggest the Minister of Housing and Local Government look into this matter and take steps to rectify the matter and fix a definite price for low-cost houses throughout the country which price would be within the purchasing ability of the people especially those from the lower income group. I also suggest that the Government concentrate fully on the construction of low-cost houses and leave the construction of de luxe houses to the private developers. The Ministry of Housing and Local Government should supervise strictly the performance of the various housing bodies and authorities to ensure housing targets are met.

For instance, under the Fourth Malaysia Plan, the Sarawak Housing and Development Commission has targetted for construction of 6,500 units of low-cost houses but unfortunately, the Housing Commission is able to

build 500 units only per year which means that at the end of the Fourth Malaysia Plan, some 4,000 units will be left uncompleted. The Chief Minister of Sarawak has pointed out that only 6,700 units of the low-cost houses had been completed since 1972 till now. This clearly shows that the Government does not have the implementation capacity to fulfil the targets envisaged. A concerted effort is needed to step up the construction of low-cost houses to achieve the Government's objective of having a house owning democracy. To ensure that the lower income group is able to own houses, I propose that:

- (a) the Government should advise the State Governments to alienate State land for low-cost houses instead of purchasing land from private individuals as by doing so, the cost of the houses could be reduced;
- (b) the Government should encourage the authorities concerned to use local materials wherever possible such as timber in the construction of low-cost houses;
- (c) the Government has directed banks to give loans to house buyers but the interest rate charged is manifestly high. The Government should intervene in this matter with a view to get banks to reduce the interest rate and, if possible, bring it to the same level levied by the Government itself on loans given by it to the civil servants, i.e. 4%; and
- (d) the Government should also ensure that the low-cost houses are allotted fairly to the people.

In Sibü recently, the Borneo Housing Development Corporation announced the names of successful applicants of low-cost houses and we found that some of the successful applicants are rich. They also already own houses and land. How did this

happen? Why are the rich allotted houses and the poor denied them? I hope this matter would be investigated and I call on the authorities to ensure that such incidents do not happen in future. Here I need to point out that the Sarawak Government has imposed a ruling that 70% of all low-cost houses must be set aside for bumiputras. It is unfair for the Government to impose such conditions. Probably such conditions could be imposed on villages and kampungs which are predominantly occupied by bumiputras but what about villages and towns occupied predominantly by non-bumiputras? Surely common-sense dictates that allocation of such houses should depend on localities and needs and not on race.

In Sibü, the Government has instructed the Borneo Housing Development Corporation to reserve 30% of the low-cost houses for Bumiputras. Unfortunately, this reservation of 30% was not taken up. This being the case, how could the imposition of 70% be successful? I request the Minister of Housing to look into this and also into the progress of low-cost housing development in Sarawak. Sarawak is an under-developed State and in 1976, statistics issued by the Statistics Department showed that the incidence of poverty is 51% and 80% of the people depend on farming. The demand for housing is estimated at 18,000 units per year and the Government should buck up in each housing development programme in Sarawak. The \$12 million loan given by the Federal Government to Sarawak can hardly scratch the surface of the problems of the homeless in Sarawak.

Fire Services—Head P. 17 page 132, Project 11 on fire stations, fire-fighting and equipment.

The Estimates for Fire Services for next year has been reduced by \$22.5 million; \$12 million has been reduced from the Operating Expenditure

compared with 1982. This reduction is not timely as it is the duty of the Fire Services to protect lives and property. This reduction is ironic as, on the one hand, the expenditure for the fire fighting services are reduced whereas on the other hand, for defence expenditure, more money is to be spent on the purchase of defence armaments like jet fighters during peaceful times than in improving and strengthening fire-fighting capabilities of the fire service to protect lives and property especially in towns and villages. I am pleased to note that this is the first time that a sum of \$2.55 million has been allocated for the construction of fire stations and purchase of fire-fighting equipment in Sarawak. However, this allocation is insufficient due to the communication problem in Sarawak and it is imperative that every town in Sarawak be provided with a fire station that is well-equipped.

Now I want to touch on Head P. 15, Page 123, Project 94 and 96—Sewerage Schemes. For sewerage services in Sarawak under the Third Malaysia Plan, a sum of \$7 million has been allocated for the improvement of sewerage services in Kuching, Sibü, Bintulu and Miri. However, I understand that this plan has not got off the ground yet. In fact, only a token \$10 has been allocated for this project next year. It is because the Government faces the problem of implementation capacity. I hope this matter could be looked into and steps taken to get the project off the ground.

The drainage system in Sibü is in a bad shape and I hope the 2M Government will give sufficient attention to this matter as invariably our drainage systems will have a great effect on the health of our community.

*5.50 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):**  
Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak sebutkan B.15—Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan, muka surat 120—Majlis Bandaran Melaka, Butiran (Projek) 46 hingga 49. Dalam empat-empat buah projek itu mengenai Majlis Bandaran Melaka.

- (1) Membaiki Longkang-longkang Besar;
- (2) Membina Pasar dan Gerai;
- (3) Pusat Penjajaan dan Bangunan Letak Kereta;
- (4) Rancangan Saluran Najis Melaka Tengah.

Saya sangat terperanjat bahawa dalam anggaran untuk tahun depan baharulah anggaran token \$10 untuk setiap projek ada diperuntukkan. Untuk Majlis Bandaran Melaka masalah longkang besar, masalah traffic-jam atau kesesakan kereta dalam satu bandar yang bersejarah empat, lima ratus tahun, jalan-jalan yang begitu sempit dengan kereta-kereta mungkin lebih sesak apabila dibandingkan dengan lain-lain tempat atau lain-lain bandar tidak mencukupi outlet, tidak mencukupi tempat-tempat meletak kereta. Saya berfikir bahawa patut mendapat keutamaan (priority) untuk melancarkan pembinaan-pembinaan perkara-perkara yang tersebut dalam empat-empat projek ini. Saya tidak tahu apa kriteria digunakan supaya empat-empat projek ini ada dicadangkan dan patut dilaksanakan lebih awal bukan sahaja tidak dilancarkan tetapi sekarang nampaknya baharulah ada peruntukan token \$10 sahaja.

Satu masalah yang dihadapi oleh Majlis Bandaran Melaka yang saya percaya juga dihadapi oleh lain-lain Majlis Bandaran ialah bahawa tidak cukup wang atau tidak cukup peruntukan-peruntukan untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan asas atau untuk mendapatkan satu taraf perkhidmatan yang utama dan oleh kerana tidak cukup sumber kewangan yang baik daripada hasil atau daripada

peruntukan-peruntukan oleh Kerajaan Pusat oleh kerana peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat, Majlis Bandaran Melaka mutu perkhidmatannya dan lain-lainnya semakin hari semakin merusut. Jalan-jalan, longkang-longkang dan kesihatan semuanya merusut.

Saya rasa ini satu masalah di mana Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan patut mengambil perhatian yang serius dan buat lawatan ke setiap Majlis Bandaran untuk melihat dengan sendiri keadaan yang berlaku di setiap Perbandaran, keadaan longkang, jalan kesihatan, environment dan lain-lain.

Sebenarnya, selepas kita adakan satu Akta Kerajaan Tempatan yang baharu di mana menyusun semula semua Majlis Bandaran, Majlis Bandaran ada satu tugas yang sangat luas untuk menjadikan satu badan yang utama untuk memodenkan setiap bandar, bukan sahaja daripada sikap fizikal tetapi juga untuk menjadikan setiap bandar sebagai satu pusat kebudayaan, satu pusat cultural, bukan sahaja menjaga longkang, jalan dan kesihatan, tetapi oleh kerana tidak cukup wang, tidak cukup kakitangan kerja-kerja yang pokokpun tidak boleh dijalankan.

Tidak payalah disebut mengenai tugas-tugas yang lebih penting bahawa Perbandaran ialah satu badan yang bertanggungjawab untuk menjadikan setiap perbandaran bukan satu cultural desert tetapi satu perbandaran di mana semua kegiatan cultural, seni, tarian dan lain-lain adalah menjadi satu kegiatan yang sihat untuk semua penduduk-penduduk di kawasan itu, mana ada?

Saya haraplah bahawa Yang Berhormat Menteri boleh balik dan baca Akta Kerajaan Tempatan, tujuan-tujuan setiap Perbandaran dan

kita baca tujuan-tujuan (objects) itu untuk setiap Perbandaran. Kita boleh tengok lebih daripada objects belum dimulakan untuk memenuhi daripada yang ada sedang dijalankan.

Kita tidak mahu Perbandaran kita sahaja sebagai satu tempat di mana tidak ada aesthetic and spiritual values dan saya harap bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji bagaimana semua Perbandaran dalam tanah air kita boleh memainkan peranan itu sebagai satu promoter untuk perkembangan kebudayaan di setiap Perbandaran.

Tuan Pengerusi, satu ciri yang sangat tidak memuaskan hati mengenai Kerajaan Tempatan ialah cara mentadbirkan Majlis-majlis Perbandaran. Apabila Akta Kerajaan Tempatan diluluskan peruntukan ada dibuat dalam Akta Kerajaan Tempatan supaya semua mesyuarat Majlis Perbandaran terbuka kepada wartawan-wartawan dan juga kepada orang ramai. Oleh kerana prinsip Kerajaan Tempatan ialah untuk menunjukkan participation oleh rakyat dalam pentadbiran Kerajaan Tempatan dan bukan untuk mewujudkan satu puak orang politik yang tidak boleh berjaya dalam pilihanraya (election) apa-apa lapisan, melalui pintu belakang dilantik sebagai Municipal Councillor yang tidak bertanggungjawab kepada sesiapa dan akhirnya tidak ada satu Majlis Perbandaran yang responsive kepada hasrat-hasrat, keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak penduduk-penduduk di Perbandaran itu. Sekarang apa yang lebih dahsyat ialah kalau saya tidak silap semua mesyuarat Majlis-majlis Perbandaran tertutup yang melarang orang ramai, melarang wartawan-wartawan menghadiri mesyuarat seolah-olah apa yang berlaku dalam Majlis-majlis Perbandaran satu perkara yang tidak boleh diketahui oleh orang ramai. Ini

melanggar peruntukan yang ada dalam Akta Kerajaan Tempatan. Apa yang berlaku dalam Majlis-majlis Perbandaran.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila menumpukan percakapan kepada tajuk-tajuk di bawah Kepala yang berkenaan sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Gaji-gaji untuk Menteri, Tuan Pengerusi, oleh kerana inilah di bawah.....

**Tuan Pengerusi:** Sebutkan Kepala berapa Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Butiran 1100, di bawah B.15 gaji-gaji Menteri bagi Kementerian berkenaan.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh ambil perhatian supaya kita ada satu Kerajaan Tempatan yang lebih sihat dan dikeluarkan satu arahan bahawa semua Majlis Perbandaran patutlah mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, semua mesyuarat-mesyuarat Majlis Perbandaran mestilah terbuka kepada orang ramai. Apa yang ada dalam Akta Kerajaan Tempatan ialah untuk keadaan yang khas, Majlis Perbandaran boleh melarang orang ramai daripada menghadiri mesyuarat-mesyuarat tetapi itu untuk keadaan yang khas, bukan untuk keadaan yang biasa.

Sekarang apa yang terjadi ialah dalam keadaan yang biasa nampaknya ada satu arahan, satu keputusan di mana orang ramai dilarang daripada menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis Perbandaran dan itulah sangat salah, bertentangan dengan semangat demokrasi yang kita mahu memupuk di kalangan orang ramai dan saya percaya bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun ada satu tanggungjawab untuk memupuk semangat demokrasi di "grass-root level" dan saya harap Yang Berhormat

Menteri akan ambil perhatian perkara yang saya timbulkan dan janganlah berfikir bahawa itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kalau itu seratus-peratus tanggungjawab Kerajaan Negeri, tak perlulah ada Kementerian Kerajaan Tempatan dan kita mahu potong peruntukannya mungkin separuh dari yang kita mahu luluskan di sini.

Tuan Pengerusi, saya tahu bahawa satu cara di mana Yang Berhormat Menteri boleh memberi nasihat dan panduan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan ialah melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Tempatan dan satu mesyuarat, kalau saya tak silap, satu mesyuarat akan diadakan pada 4hb Disember akan datang. Dalam beberapa bulan ini ada beberapa perkara sudah timbul yang sungguh sudah menyakitkan hati orang ramai khususnya mengenai perkara di mana beberapa Majlis Perbandaran telah bercadang menguatkuasakan by-law baru mengenai pengiklanan dan papan-papan tanda, khususnya mengenai Majlis Perbandaran Kota Star dan juga, kalau tak silap saya, 12 buah lagi Majlis Perbandaran di Kedah tanpa mengetahui apa yang sedang berlaku di Majlis Perbandaran Melaka Tengah bahawa tulisan-tulisan Bahasa Malaysia dikehendaki ditulis 3-4 kali lebih besar daripada bahasa Cina dan lain-lain.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, bahawa inilah satu perkara di mana Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan patutlah memikul tanggungjawab untuk menasihatkan semua Majlis Perbandaran janganlah mengambil apa-apa tindakan yang boleh menyakitkan hati rakyat jelata kita dalam satu masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang bahasa. Dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh menggunakan jasa baiknya, boleh menggunakan kuasanya selepas satu

“breakthrough” yang begitu besar oleh Parti MCA dalam pilihanraya bulan April lalu untuk mencegah.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada masa dua minit lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Masa dua minit lagi. Adakah had masa? Itu saya tak dengar masa ada dihadkan.

**Tuan Pengerusi:** Oleh kerana ada arahan daripada Tuan Yang Dipertua mengumumkan masa dihadkan, masa itu Ahli Yang Berhormat tidak hadir.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu untuk Jabatan Perdana Menteri bukan untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ada di sini, saya ada dengar, pengumuman itu untuk hari ini untuk Jabatan Perdana Menteri dan saya berharaplah bahawa.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat bahawa pengumuman itu adalah untuk semua Kementerian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu saya tidak tahu, Tuan Pengerusi, dan kalau saya tahu, saya rasa ini satu had masa yang tidak berpatutan dan tadi saya ada di sini apabila satu pengumuman ada dibuat bahawa itu untuk Jabatan Perdana Menteri oleh kerana mahukan satu masa sudah ditetapkan untuk menggulung dan saya harap saya tidak mahu menimbulkan apa-apa perkara yang baru kerana sudah banyak perkara ada berlaku tetapi saya rasa kalau ini satu ruling untuk menggulung, menghabiskan perbincangan Jabatan Perdana Menteri dikenakan untuk perbincangan bagi lain-lain Kementerian, saya rasa itu sangat tidak adil, oleh kerana ada Kementerian-kementerian yang sangat mustahak. Saya percaya tentulah ini bukan tabiat apa yang biasa dilakukan dalam Parlimen selama 12 tahun yang saya berada di sini dan saya percaya selama Yang Berhormat Pengerusi pun

ada di sini, inilah saya rasa untuk keadilan, untuk setiap Kementerian patutlah kita diberitahu apa itu guideline. Kalau tidak untuk satu Kementerian yang lain, saya rasa ini . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ini adalah arahan daripada Datuk Speaker sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Arahan, ya, saya tahu tetapi itu untuk semua Kementerian saya percaya.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat ada sedikit salah faham tentang pengumuman itu, saya boleh beri sedikit masa extra.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, saya rasa ini saya mahu protest dengan sekeras-kerasnya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila menyambung ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu protest dengan sekeras-kerasnya oleh kerana ini bukan terhad kepada Kementerian ini, apa yang akan berlaku \$30 billion. Ada Kementerian yang mahu estimate . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila jangan membazirkan masa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tak mahu membazirkan masa tetapi saya berharap bahawa kita dapat satu keadilan di Dewan ini, ada Kementerian yang dapat \$200 juta, 15 minit kita mahu bahas. Saya rasa ini adalah tidak adil. Ada yang dapat \$600 juta semacam Kementerian Perumahan dan Kementerian Pelajaran ada peruntukan \$4 billion-15 minit. Saya rasa oleh kerana saya tahu apa cara yang dahulu apabila dalam satu-satu bahagian sudah habis perbincangan untuk menghabiskan perbincangan, had masa dikenakan dan bukan daripada awal-awal untuk setiap Kementerian. Dan saya harap bahawa

Tuan Pengerusi boleh kaji balik, oleh kerana kalau tidak, saya percaya, Tuan Pengerusi, pasti tidak mahu kepada satu perkara yang sangat tidak adil dan tidak pernah berlaku dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa kita ada 22 buah Kementerian lagi yang perlu dibahaskan dalam tempoh masa 15 hari.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, tetapi masalah . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya boleh beri keistimewaan kepada Yang Berhormat untuk menyambung ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Mahu atau tidak Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, masa bukan satu keistimewaan, masa adalah satu masalah prinsip sama ada untuk perkara-perkara yang penting terutama \$4 billion, satu ruling sudah dibuat, had masa 15 minit sahaja, saya rasa ini tidak pernah berlaku dalam masa 12 tahun saya ada di Dewan ini. Ini tentu bukan bermakna kalau ada orang yang mahu bercakap, dia cakap kalau tidak mungkin perbincangan boleh digulung dan boleh ditamatkan dan saya harapkan satu ruling yang boleh menjejaskan kebebasan dalam Dewan ini yang sebenarnya tidak dibuat dan tidak diteruskan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kita pasti menghadkan masa, kerana ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap. Ini untuk beri peluang yang lebih banyak kepada Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apakah perlunya satu jadual agaknya satu Kementerian berapa lama dibahas dan

tadi apabila saya berdiri tidak ada seorang pun yang berdiri dan itulah saya tidak mahu pertikaikan apa-apa, saya rasa ini satu prinsip yang mustahak yang tak pernah berlaku dan saya percaya bukan mahu dilakukan satu perkara yang tidak adil.....

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan atas perkara ini tak guna, mahu on point of order boleh. (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, duduk dulu, dia tak benarkan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Yang Berhormat bercakap atas tajuk apa, kita sedang membahaskan berkenaan Kementerian Perumahan tetapi beliau bercakap tidak menentu, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila mematuhi Peraturan Mesyuarat oleh kerana Yang Berhormat itu tidak beri jalan, dan Yang Berhormat, sila duduk.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** On a point of order. Apabila Tuan Pengerusi bercakap, Ahli Yang Berhormat itu patut duduk dan tadi sudah diterangkan ini adalah untuk keadilan semua orang bukan Ahli Yang Berhormat itu yang bercakap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu apa?

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Mengikut Peraturan tadi . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau mengikut Peraturan, sila duduk.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ini Peraturan Mesyuarat 42, apabila . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, sudah duduk, baru bangun!

**Tuan Pengerusi:** Sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, teruskan.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Dia tidak faham Tuan Pengerusi, tadi dia belum duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat tidak tahu.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Itu fasal saya tegur, kerana saya tahu Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila duduk. Ini adalah jelas dalam Peraturan Mesyuarat 42 (3) bahawa apabila Pengerusi bercakap, Ahli yang berkenaan patutlah duduk. Itulah sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya tahu.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang Yang Berhormat menyambung ucapan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tetapi kalau tidak ada had masa kerana itu bukan satu ruling, oleh kerana ini satu keadaan caught by surprise.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sila duduk.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Nombor?

**Tuan Hussein bin Mahmood:** 43. "Keputusan Pengerusi adalah muktamad". Saya minta Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada keputusan 43, tidak payah saya baca semula di sini iaitu tajuknya: "Keputusan Pengerusi adalah muktamad". Tuan Pengerusi telah berkali-kali membuat keputusan, saya harap keputusan Pengerusi ini dipatuhi oleh Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** On point of order. Tuan Pengerusi, nampaknya Yang Berhormat tidak tahu apa makna Peraturan Mesyuarat 43. Kalau tidak tahu baca apa sebenar ertinya:

“Tuan Yang Dipertua, dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan, dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara, Peraturan mesyuarat tidak boleh diminta timbangan semula dan tidak boleh diulangkaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan Usul bersendirian kerana itu.”  
Oleh yang demikian.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis.

**Tuan Pengerusi:** Sabar dahulu Yang Berhormat. Saya kata oleh kerana Yang Berhormat mungkin salah faham pengumuman yang awal itu.....

**Tuan Hussein bin Mahmood:** (Bangun).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Perlahan-lahan duduk.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, yang sebenarnya masa untuk Yang Berhormat telah habis, oleh kerana itu Yang Berhormat saya tidak ada pilihan yang lain dan saya terpaksa menggunakan Peraturan Mesyuarat 44(1) memanggil Ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyambung perbahasan itu. (Tepuk)

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Saya haraplah bahawa apa yang sebenarnya berlaku tiada keputusan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Pengerusi, dia tidak patuh kepada Pengerusi, duduklah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya telah membuat keputusan bahawa saya tidak ada pilihan dan saya terpaksa menggunakan Peraturan Mesyuarat 44(1).....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta ialah adakah satu.....

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Pengerusi, kalau dia tidak patuh, keluarkan dia daripada Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta ialah adakah satu ruling dibuat di mana untuk semua Kementerian perbahasan setiap Ahli ialah terhad kepada 15 minit. Adakah itu dibuat? Saya tahu ini tidak dibuat dan ini tidak pernah dibuat oleh kerana ini hanya untuk menghabiskan perbahasan mengenai Jabatan Perdana Menteri. Itulah satu perkara yang mustahak yang akan menyekatkan kebebasan setiap Ahli di Dewan ini, dan saya harap oleh kerana kalau ini yang berlaku.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** .....sesiapa yang boleh buat apa-apa keputusan.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya mahu dengar apa itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, yang sebenarnya sebelum saya masuk ke Dewan ini saya telah mengarahkan kepada Setiausaha Dewan ini untuk mendapatkan confirmation daripada Tuan Speaker sendiri adakah pengumuman mengenai seorang bercakap sebanyak 15 minit itu menuju kepada perbahasan di bawah Jabatan Perdana Menteri sahaja ataupun untuk semua Kementerian. Dan di sini saya ada sepucuk surat ditandatangani oleh Setiausaha yang berkenaan yang

mengatakan bermakna masa 15 minit adalah applies to JPM and all other Ministries.

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk semua Ahli-ahli di Dewan ini. Adakah untuk semua di Dewan ini?

**Tuan Pengerusi:** Ini sudah jelas Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk semua Ahli-ahli di Dewan ini. Untuk semua Ahli-ahli termasuk Menteri-menteri di Dewan ini.

**Tuan Pengerusi:** Tidak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah ditulis dalam itu?

**Tuan Pengerusi:** Ini adalah.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah baca lagi satu kali? Adakah tidak.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita mahu satu ruling yang jelas, bukan satu ruling yang arbitrary semata-mata.....

**Tuan Pengerusi:** Ini arahan daripada Tuan Speaker.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Kita mahu satu ruling yang jelas, yang bijaksana, yang reasonable. Peraturan ada.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya telah membuat ruling saya, iaitu saya meminta.....

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Pengerusi, dia boleh dikeluarkan bila-bila masa, ini tidak ada kena mengena dengan teguran Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa itu?

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Pengerusi, apa fasal.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, apa Yang Berhormat itu cakap, saya pun tidak tahu. Apa itu?

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Saya cakap, kalau sudah tidak pandai cakap bahasa, keluarlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu bukan on point of order tetapi on point of clarification.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Yang Berhormat, sila duduk, point of order.

**Tuan Pengerusi:** Sebutkan apa point of order itu.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Bukan on point of order, setiap masa yang Berhormat Tuan Pengerusi boleh membuat keputusannya mengikut.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa keputusannya? Saya mahu tahu ruling yang clear oleh kerana ini akan menyekat hak Ahli Parlimen untuk berucap. Apa ruling itu? Oleh kerana satu ruling yang begitu tidak adil dibuat tanpa tujuan yang jelas iaitu against the rules of natural justice, itu adalah arbitrary ruling.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat saya telah buat keputusan bahawa saya telah menggunakan Peraturan Mesyuarat 44(1) jika tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ingin berbahas.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu arbitrary, itu gunakan kuasa arbitrary.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapannya. Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kami sekarang keluar Dewan, kalau boleh buat ruling arbitrary. (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila beri hujah-hujahnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu kemukakan satu Usul yang substantive "Tidak percaya kepada Timbalan

Yang Dipertua". Saya akan cadangkan esok. Mana ada tanggungjawab itu arbitrary. Bukan kerana duduk di atas kerusi boleh buat apa-apa, majoriti yang membuta.

**Tuan Pengerusi:** Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan.

6.19 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berusaha untuk membangkitkan beberapa perkara yang ada bersangkutan dengan Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyatakan di sini, di dalam Dewan yang mulia ini, kita telah mendengar harimau mengaum, tetapi ingin saya mengatakan disambut pula dengan tidak kurang hebatnya dengan singa.

Tuan Pengerusi, di dalam perbahasan tadi ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membawa beberapa perkara dan saya di Kementerian ini menerimalah dengan baik cadangan-cadangan yang diberi tadi-kecil tapak tangan nyiru saya tadahkan. Tetapi terpulanglah kepada Kementerian pula untuk menapisnya. Sebagaimana yang kita telah pun dengar tadi ada beberapa tuduhan dan lemparan yang telah diberikan mengatakan Kementerian ini lemah ataupun tidak berkeupayaan untuk melaksanakan program-program yang telah dirancangan.

Ingin saya mengatakan di sini ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang telah pun berucap, maklum sahajalah apa boleh kita harapkan daripada Ahli-ahli daripada golongan yang kita semua pun tahu sedang asyik mabuk kepayang.

Tuan Pengerusi, ingin saya mengatakan di sini bahawa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tentang prestasi Kementerian saya tentang melaksanakan prestasi Kementerian saya tentang melaksanakan projek perumahan, sungguhpun dikatakannya 12.8% telah siap dibina pada bulan Jun, 1982 ingin saya mengatakan di sini iaitu berdasarkan kepada peringkat pelaksanaan berbagai projek, saya yakin pada hujung tahun 1985, iaitu penghujung Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian yakin lebih kurang 72.4% rumah-rumah akan disiapkan. Kalau dibandingkan dengan prestasi Rancangan Malaysia Ketiga, prestasi yang didapati sekarang ini adalah lebih baik daripada apa yang telah terdapat.

Mengenai dengan cadangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentang penubuhan Majlis Perumahan Negara, saya ingin mengatakan di sini iaitu Kementerian telah pun mengadakan satu Majlis di mana ada peluang bagi semua pihak yang berkenaan di dalam perusahaan pembinaan perumahan ini telah pun menjadi anggota ataupun menjadi ahli dan di situ dapatlah kita semua membincangkan masalah-masalah dan cara-cara untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Walau bagaimanapun, Kementerian sedia menerima apa-apa cadangan daripada Yang Berhormat tadi dan sekiranya beliau ingin memberi cadangan-cadangan spesifik kepada Kementerian, kami akanlah menimbangkan.

Mengenai teguran tentang pemberian (allocation) rumah-rumah kos rendah ini ingin saya jelaskan bahawa syarat-syarat yang diberi oleh Kementerian telah pun dipatuhi tetapi perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat

tadi berlaku kerana kepalsuan butir-butir yang telah diberi oleh pemohon-pemohon itu. Biasanya apabila Kerajaan Negeri diberi makluman mengenai kejadian ini tindakan akan diambil terhadap penghuni-penghuni tersebut.

Ahli dari Bagan Seri dan juga Ahli dari Kota Melaka tadi telahpun meminta satu formula berkenaan dengan papan tanda supaya semua pihak boleh mengetahui. Kata Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi banyak perkara yang menyakitkan hati; pada pendapat saya kalaunya huruf-huruf ini besar, senang pada mata tentulah tidak menyakitkan hati, kalau senang di mata berikuit pula senang di hati. Jadi saya berharaplah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pula akan menasihatkanlah rakyatnya yang mana sakit hati tadi supaya mengambil bahagian dengan lebih banyak lagi dengan aktiviti-aktiviti kebudayaan sebagaimana yang telah dikatakannya tadi supaya tidak ada 'cultural desert'. Memanglah saya tahu di negeri Melaka ini di mana Ahli Yang Berhormat itu datang memang tempatnya di mana orang semua suka berdongang sayang dan berpantun-pantun.

Yang Berhormat tadi juga telah pun membangkitkan perkara tentang kekurangan peruntukan bagi Majlis Perbandaran Melaka. Dia mengatakan dia sangat terperanjat. Rasa saya perkara ini bukanlah disengajakan oleh sebab dia datang dari Kota Melaka tetapi memandangkan keadaan ekonomi dunia meleset kenalah kita berjimat cermat dan saya fikir diapun tahu berjimat cermat itu adalah lebih baik kerana kita akan selamat.

Yang Berhormat dari Sibu telah membangkitkan berkenaan dengan keupayaan Kementerian untuk melaksanakan rumah-rumah kos rendah ini dan dia pun telah

membangkitkan apakah dia definasi 'rumah low-cost' ini. Mengikut panduan daripada Kementerian, rumah-rumah kos rendah telah pun ditetapkan berharga \$25,000 ke bawah, mempunyai luas lantai sebanyak 600 kaki persegi mempunyai satu bilik tetamu (bilik rihat), dua bilik tidur, satu bilik tandas (bilik air). Itulah dia definasi rumah kos rendah. Sungguhpun harga sudah ditetapkan \$25,000 terpulanglah kepada kebijaksanaan Kerajaan Negeri untuk berunding dengan pemborong-pemborong itu untuk menetapkan harga yang sesuai kepada kedua belah pihak.

Cadangannya bagi Kementerian untuk merendahkan kadar pinjaman daripada 10% kepada 4% rasa saya akanlah dipertimbangkan, tetapi Yang Berhormat tentulah tahu keadaan ekonomi di seluruh dunia sekarang ini.

Berkeaan dengan perkhidmatan kebombaian di negeri Sarawak pula ingin saya katakan di sini dan sudahpun beberapa kali saya sebutkan di dalam Dewan ini tentang rancangan Kementerian untuk mempertingkatkan lagi Perkhidmatan Bomba di negeri Sarawak. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu maklum Perkhidmatan Bomba di negeri Sarawak baru sahaja diambil alih oleh Kerajaan Pusat dan di dalam masa 10 bulan ini beberapa langkah telahpun diambil, misalnya di Kuching telah diadakan Ibu Pejabat untuk menyelaraskan perkhidmatan kebombaian di negeri Sarawak. Dan di bawah Rancangan Malaysia Keempat ini sebagaimana termaklum di dalam Jadual ini sebanyak \$8 million telah diperuntukkan untuk mempertingkatkan prestasi perkhidmatan kebombaian di negeri Sarawak.

Setakat ini sahajalah yang dapat saya jawab, Tuan Pengerusi, kerana perkara-perkara yang telah pun

dibangkitkan itu sebagaimana saya katakan telah pernah juga dibangkitkan semasa soal jawab di dalam Dewan ini. Tetapi sebelum saya duduk, ingin saya katakan di sini kalaunya ada kelemahan ataupun kemunduran ataupun kekurangan yang telah pun dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi janganlah difikirkan itu satu tanda kelemahan Kementerian tetapi ingin saya memperkatakan di sini kekurangan atau kebelakangan itu adalah satu tanda Kementerian ini berundur ke belakang untuk mengorak langkah untuk maju ke hadapan.

Sekian sahaja, Wabilahitaufek walhidayah, wassalamualaikum.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$28,742,300 untuk Maksud B.15; \$6,285,900 untuk Maksud B.16 dan \$46,323,500 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$28,742,300 untuk Maksud B.15; \$6,285,900 untuk Maksud B.16 dan \$46,323,500 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$531,804,280 yang disebutkan dalam Maksud P. 15 dan \$12,642,200 untuk Maksud P. 17 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$531,804,280 untuk Maksud P.15 dan \$12,642,200 untuk Maksud P. 17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Timbalan Yang Dipertua:** Majlis ditangguhkan sehingga jam 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*